- * Tidak suka lelaki yang pentingkan diri sendiri. Suka lelaki yang ambil berat tentang kehendak pasangan.
- * Gembira jika lelaki dapat menenangkan hatinya sebelum melakukannya.
- * Suka jika lelaki melayaninya seolah-olah mereka melakukannya buat pertama kali. Lelaki itu patut mengasihi serta lemah-lembut.
- * Lebih suka disentuh dan dirangkul berbanding inzal bila melakukannya.
- * Gembira jika boleh memberitahu lelaki apakah perasaannya bila melakukannya dan lelaki itu memahaminya.
- * Suka hatinya bila lelaki berkata bahawa dirinya cantik menawan.
- * Perlukan masa untuk menyegarkan badan serta berdandan sebelum melakukannya.
- * Tidak suka melakukannya dalam keadaan yang tergapoh-gapah.
- * Suka jika lelaki mengejutkannya dari tidur dengan cara mencium tubuhnya.
- * Merasa gembira bila lelaki memuji bahagian demi bahagian dari tubuhnya.
- * Gemar melakukan di waktu pagi.
- * Suka berendam dalam air sebelum melakukannya.
- * Gemar jika lelaki bergilir-gilir melakukannya sekali untuk pasangannya, kemudian untuk dirinya pula.
- * Gembira jika dipanggil dengan nama-nama manja sebelum melakukannya.
- * Benci bila melakukannya setelah selesai saja makan malam.
- * Tidak suka lelaki yang gelojoh di atas ranjang, sepatutnya bertenang dan jangan terkejar-kejar tidak tentu hala.
- * Tidak akan merasa jemu mendengar lelaki memuji betapa jelitanya dia.
- * Gembira jika lelaki menumpukan perhatian pada dirinya bila melakukannya, bukan pada benda lain.
- * Tidak suka jika lelaki memakai minyak wangi yang tidak sedap baunya.
- * Suka jika lelaki memberitahunya apakah yang telah dilakukannya dengan betul, bukan hanya kesalahannya.
- * Gemar jika lelaki yang membukakan pakaiannya.
- * Suka berjanji dulu pada hari bila dan waktu bila mahu melakukannya, dan janji itu perlu ditunaikan.
- * Gembira jika lelaki menunjukkan kasih sayang setelah melakukannya melebihi masa sebelumnya.
- * Suka melakukannya dalam suasana udara yang hangat.
- * Gemar hanya melakukan di atas ranjang.
- * Tidak gemar bila lelaki menunjukkan kegagahan dan kekerasan semasa melakukannya.
- * Gembira mendengar sesuatu yang menghairahkan dikatakan oleh lelaki sebelum melakukannya.
- * Tidak suka jika lelaki membawa makanan ke ranjang.
- * Tidak suka melakukannya jika malam sudah terlalu lewat.
- * Tidak gemar bila lelaki melakukan cara yang sama saja setiap kali bersama.
- * Gemar jika lelaki membelai-belai rambutnya sebelum melakukannya.
- * Benci bila lelaki terus mencabut keluar zakarnya sebaik saja inzal.
- * Gembira jika lelaki berkata dengannya pada masa itu dengan nada suara yang rendah dan dalam.
- * Tidak suka pada lelaki yang memaksa.
- * Suka jika lelaki meniup-niupkan nafas yang hangat ke telinganya.
- * Suka lelaki yang berterus-terang apakah kelemahan lelaki itu dari sudut seks.
- * Tidak suka lelaki yang serta-merta mahu memulakannya tanpa ringan-ringan.
- * Gembira jika jari kakinya diurut terlebih dahulu.
- * Tidak suka lelaki yang melakukannya sebelum lelaki itu mandi.
- * Tidak suka lelaki yang mencakar-cakar tubuhnya dengan rakus.
- * Gemar jika lelaki berada di atas dan mengawal aktiviti.
- * Tidak suka melakukannya bila anak-anak masih jaga atau ada di rumah.
- * Suka dan akan melayani sepenuh hati lelaki yang kuat bekerja mencari nafkah untuk keluarga.
- * Gemar menunggu melakukannya dalam keadaan cahaya terang.
- * Gembira melakukannya sambil muzik lembut berkumandang.
- * Gemar jika lelaki melakukannya dengan lemah-lembut dan perlahan.
- * Suka jika lelaki menghadiahkan padanya bunga.
- * Gemar jika lelaki tunjukkan kasih sayang yang tinggi semasa melakukannya.
- * Menganggap rahsia seks ialah kejujuran.
- * Sama ada inzal atau tidak dan berapa kali inzal tidak penting.
- * Adakalanya mahu memberi, adakalanya hanya mahu menerima.
- * Gemar disentuh sebelum, ketika, setelah dan luar masa melakukan seks.
- * Gembira jika lelaki menjilat sekitar payudara kemudian meniupnya dengan lembut.
- * Suka jika lelaki itu merasa bangga ketika bersamanya.
- * Perlukan perhatian dan masa.
- * Suka jika ia dapat berterusan sepanjang malam.
- * Gembira sekiranya lelaki menyatakan perasaan nikmatnya bila melakukannya.
- * Suka jika zakar disorong lambat dan ditarik dengan cepat semasa dayungan.
- * Gemar jika lelaki peka kepada kehendak dan perasaannya.
- * Suka jika berpegangan dan berpimpin tangan.
- * Suka sekiranya seks itu menjadi manifestasi cinta.
- * Gembira diperlakukan dengan kasar.
- * Tidak gemar jika seks di anggap oleh lelaki sebagai rutin kerana itu tidak menyeronokkan.
- * Gemar meraba dan diraba hingga tidak tertahan lagi kegelian.
- * Selepas melakukannya suka tidur di dalam rangkulan lelaki.
- * Suka jika lelaki melakukan sesuatu yang memeranjatkan di ranjang.
- * Gembira kerana lelaki melakukannya bersamanya setiap hari dengan kata dan layanan yang baik.

- * Suka jika lelaki menggunakan tangannya untuk menjelajah ke seluruh tubuhnya dan betisnya dibelai.
 - * Tidak pernah masuk tidur dengan keadaan marah atau bosan, semua masalah diselesaikan dahulu.
 - * Gemar jari-jarinya disedut oleh lelaki.
 - * Seks patut mengembirakan bukan sesuatu yang menyedihkan hati.
 - * Mesti mahukan inzal bila melakukannya.
 - * Suka meletak bantal di bawah pinggul bila melakukannya dalam keadaan lelaki di atas dan dia baring terlentang.
 - * Gemarkan posisi-posisi baru.
 - * Suka jika payudara diramas dengan lemah-lembut seolah-olah menjaganya jangan pecah.
 - * Rasa istimewa bila lelaki memberikan perhatian yang tidak berbelah bagi.
 - * Tidak sudi kepada lelaki yang tidak mempunyai perasaan kepadanya.
 - * Semasa di ranjang mahu dianggap sebagai wanita sempurna segala segi.
 - * Lelaki yang lemah-lembut dan baik hati menjadi idaman.
 - * Melakukannya di tempat ganjil menjadi hobi.
 - * Sanggup menjadi hamba seks lelaki asalkan lelaki pun begitu.
 - * Lebih lama lelaki bersabar sebelum memulakannya, lebih cepat wanita inzal.
 - * Mahu tahu apa yang lelaki tertarik dengan dirinya.
 - * Suka lelaki yang bersopan.
 - * Lebih suka jika lelaki tunjukkan kasih sayang dengan cara bukan seksual.
 - * Suka jika dapat tentukan sendiri masa untuk melakukannya, tidak hanya lelaki sahaja.
 - * Saya tidak mahu seks, saya mahu memadu cinta.
 - * Gembira jika lelaki menyuruhnya memainkan peranan aktif sekali-sekala.
 - * Suka lelaki yang bersabar.
 - * Gemar bergurau senda selepas melakukannya dan anggap itulah paduan cinta yang sebenar.
 - * Suka cara yang berbeza-beza.
 - * Gemar jika dicium lembut sambil masuk ke kamar.
 - * Rasa selesa dan selamat melakukannya dengan lelaki yang setia.
 - * Benci bila lelaki menolak ajakannya.
 - * Gemar jika lelaki memegang tangannya sambil masuk ke kamar.
-

Seks Teratur Hindari Tekanan....Siri (33)

Menurut satu kajian selidik pakar sakit puan dari Universiti New York, Amerika Syarikat mendapati bahawa hubungan seksual yg dialkukan secara sihat, adalah penawar dalam mengatasi masalah atau tekanan yg dihadapi lebih2 lagi bagi kaum wanita

Ini kerana ketika menjalinkan hubungan seksual, badan pasangan anda akan menghasilkn sejenis hormon dan zat kimia tertentu (terkandung dalam sperma) yg kemudiannya akan disalurkan ke dalam badan pasangannya. Bagaimanapun ia mesti tanpa kondom dan hanya dgn satu pasangan sahaja.

300 orang wanita berkahwin telah dipilih sebagai responden. Dan keputusannya ialah isteri yg melakukan hubungan seksual bersama pasangannya tanpa menggunakan kondom, tidak mengalami tekanan (4.5%). Bahkan mereka jarang merasa sedih, murung dan moddnya pun dalam keadaan stabil untuk jangka waktu tertentu.

Namun sebaliknya, bagi isteri yg jarang melakukan hubungan seksual (13.2%) dan isteri yg pasangannya menggunakan kondom (13.5%), akan mudah sekali mengalami tekanan, sering marah2 dan cepat putus asa.

Tubuh Wanita Yang Mengghairahkan Lelaki....Siri (34)

1. Betis dan Lutut

Wanita yang apabila berjalan bergesel betis dan lututnya amat disukai lelaki, walaupun wanita ini tidak begitu menggoyang pinggulnya. Cara berjalan sebegini membayangkan bahawa faraj wanita itu kecil dan sempit, dan sempitnya faraj wanita menjadi kesukaan lelaki.

2. Pinggang

Lelaki lebih tertarik pada pinggang yang ramping kerana ianya mudah digoyang sewaktu berjimak. Goyangan sewaktu jimak dilakukan oleh wanita, dayungan biasanya dilakukan oleh lelaki. Goyangan ini memberikan kenikmatan yang lebih tinggi kepada lelaki.

3. Pipi

Ciuman yang melazatkan penciumnya berada pada sasaran pipi yang licin, bersih dan halus, oleh kerana itu ramai lelaki lebih menyukai wanita yang berpipi licin.

4. Dada dan Payudara

Terdapat pertalian antara bidangnya dada wanita dengan payudaranya. Jika dadanya bidang, maka payudaranya tidak begitu nyata bentuknya. Sekiranya dada kecil, payudara adalah lebih jelas bentuknya dan tampak membengkak dan naik. Keadaan inilah yang menarik perhatian lelaki.

5. Alis Mata

Sekiranya alis mata wanita halus tersusun rapi, ia dianggap sebagai kesukaan kaum lelaki.

6. Dahi

Apabila dahi wanita luas, ia dianggap dahi yang sempurna oleh lelaki. Dahi wanita adalah tempat di mana lelaki akan menemukan dahinya.

7. Bibir dan Lidah

Lelaki lebih menyukai bibir yang nipis dan lidah yang lonjong kerana ia dianggap menikmati kucupan semasa istimta' mahupun jimak. Pada zaman ini, kucupan lidah lebih disukai dan membangkitkan syahwat 3 kali ganda berbanding dengan ciuman ke pipi, dua alis mata, antara 2 lubang hidung dan pada tengkuk wanita yang mampu membangkitkan syahwat sebanyak 25 peratus.

8. Faraj

Pada lelaki, bentuk faraj wanita tidaklah menjadi persoalan besar. Tetapi ramai lelaki lebih sukakan wanita yang mempunyai lubang faraj yang kecil kerana ia dianggap dapat memegang dan menyepit zakar lelaki dengan lebih utuh tatkala jimak. Walaupun begitu, seni kemutan dianggap lebih penting dari besar atau kecilnya lubang faraj, kerana ini dianggap lebih memberi kesan kenikmatan kepada lelaki.

Tertib Bergurau Senda Dalam Islam....Siri (35)

Di dalam Kitab Ubad karangan Al-Fadhil Ahmad bin Sulaiman. Kamal Basha telah mencatatkan bahawa Islam menggalakkan umatnya untuk bersenda gurau ketika mahu bersenggama mahupun selepasnya. Berikut dicatatkan beberapa pengajaran tentang senda gurau.

Apabila seorang lelaki hampir kepada isterinya hendaklah dia menyukakan isterinya dengan bersenda gurau kerana pahalanya besar dan banyak faedahnya. Menurut Jabir r.a. Rasulullah s.a.w. itu bersenda bergurau terlebih dahulu sebelum jima'. Menurut ahli tabib jika jima' tanpa bersenda gurau maka anak yang bakal dilahirkan itu perangnya jahat dan buta hatinya. Seperti sabda Nabi s.a.w. yang bererti bahwa tanda gelap hati lelaki ialah bahawa dia jima' tanpa bersenda gurau dan inilah kelakuan seperti orang tuli.

Digugurkan (dosa mukmin dan isterinya dengan sebab dia bersenda gurau sebelum jima dan akan dikurniakan rezeki yang halal. Rasulullah s..a.w. sendiri menghisap lidah isterinya ketika berjima' dan inilah kelakuan sempurna insan yang dapat menyukakan perempuan dan sunnah. Jimaklah dengan perlahan-lahan hingga terhasil maksudnya serta maksud isterinya. Rasulullah juga berpesan agar kita jangan berhenti jima' hingga inzal isteri.

Menurut Imam Ghazali di dalam Ihya Ulumiddin, jika seorang suami itu telah inzal dahulu maka janganlah dia berhenti hingga isterinya pula inzal kerana jika tidak dilakukan sedemikian maka kemungkinan isteri akan keras hati dan tiada mengasihi. Semasa suami itu berhenti kerana telah inzal sedangkan isterinya belum' inzal, si isteri sedang asyik kemudian merasa malu untuk menyatakan kehendaknya agar diteruskan dayungan, sebagaimana sabda Rasulullah yang ertinya diletakkan oleh Allah Ta'ala atas perempuan itu daripada lelaki sembilan puluh sembilan bahagian daripada kesedapan tetapi dianugerahkan oleh Allah Taala bagi perempuan itu perasaan malu.

Apabila seseorang itu jima' maka janganlah dipandang kepada faraj

isterinya kerana dia akan merasa malu, jangan berkata-kata terlalu banyak ketika jima' dan tetapkanlah kedudukan diri serta isteri.

Rasulullah s.a.w. menutup kepalanya ketika jima' dan menahan suaranya dan menutup tubuhnya dan tubuh isterinya.

Rasulullah s.a.w. juga berpesan agar kita tidak melebihi diri sendiri ketika jima' tanpa memperdulikan isteri kerana itu ibarat sifat kaldai, dan hendaklah ada sesuatu antara suami dan isteri itu, dan apabila baginda ditanya oleh sisahabat apakah yang dimaksudkan itu maka baginda menjawab bahawa itu adalah ciuman dan senda gurau. Menurut Jaafar bin Qais, jika kita mahu dikasihi oleh isteri maka hendaklah bersenda gurau, dengannya sebelum jima'.

Demikian secara terperinci tertib bersenda gurau di dalam Islam yang digali dari perbuatan Rasulullah s.a.w. sendiri untuk panduan.

Perkara Yg Perlu Diketahui oleh bakal suami !!!...Siri (36)

Meskipun bernafsu utk seks ttp tidak ramai wanita yg sanggup meluahkan hasrat tersebut. Sifat malu yang menebal dalam diri wanita menyebabkan mereka mengharapkan suami 'faham-faham' sendiri kehendak ini.

Namun realitinya, sungguhpun lama hidup berumahtangga suami ataupun kaum lelaki kadangkala masih tidak dapat meneka bila isteri mahukan hubungan seks. Para suami, jangan biarkan ini berlaku, semak artikel di bawah untuk mengetahui bila situasinya isteri menginginkan hubungan seks.

BILA BERJAUHAN DENGAN PASANGAN

Apabila suami meninggalkan isteri berhari-hari untuk ke luar daerah, masa tidur di ranjang bersendirianlah yang akan membangkitkan ghairah isteri utk seks. Ketika ini isteri mungkin akan teringat-ingat waktu dirinya sedang bermesra dgn suami, yang seterusnya akan membuatkan nafsunya untuk seks membuak-buak. Tidak hairanlah bila suami pulang, isteri akan melakukan sesuatu yang akan membawa suami mereka terus ke ranjang.

WAKTU SUBUR

Setiap wanita punya waktu suburnya iaitu hari ke 14 selepas kedatangan haid. Ketika itu waktu subur atau ovulasi, nafsu wanita terhadap seks memang tinggi. Tanpa ransangan yang hebat sekalipun isteri akan tetap terangsang untuk seks, malah mungkin ada isteri yang terlebih dahulu memulakan langkah merangsang suami untuk berasmara denganya. Pihak suami tidak perlulah hairan dgn situasi ini atau menganggap isteri 'buang tebiat' kerana ini sememangnya sudah menjadi kitaran semulajadi kaum wanita. Apa yang perlu dilakukan cuma mengambil kesempatan terhadap waktu ini.

SELEPAS BERTENGGAR

Seks mmg selalu dikatakan penyudah kpd setiap pertengkaran suami isteri. Rasanya hampir semua pasangan melakukan perkara ini. Selepas bertengkar dan merajuk panjang, tidak ada apa yg lebih diinginkan oleh isteri selain drpd dipujuk dan dipeluk oleh pasangannya. Sentuhan dan belaian suami pd waktu ini akan menyejukkan hati isteri yang masih dlm keadaan rajuk. Pandai-pandailah suami memujuk isteri pd ketika ini krn kepandaian anda memujuk boleh menyebabkan situasi tersebut berakhir dgn penuh kenikmatan buat anda berdua.

TERTEKAN

Mmg telah diketahui seks mampu meredakan tekanan baik pd lelaki mahupun wanita. Jadi apabila melihat isteri dlm keadaan

tertekan dan murung,
seks
mungkin membantu dirinya utk lebih relax.
Tetapi harus lihat pd situasinya, sekiranya usteri
tidak memberi respon
pd
ransangan yg diberikan, mungkin seks bukanlah
apa yg diinginkan. Ajak
dirinya untuk berkongsi masalah, cara itu mungkin
membantu mengurangkan
stress yang dialaminya.

MENERIMA BERITA GEMBIRA

Ini adalah masa yang paling baik untuk seks.
Berita gembira seperti
mengetahui diri sedang berbadan dua akan
memberikan mood yang baik buat
seorg isteri. Suami mungkin tiada masalah
mendampingi isteri ketika ini.
Ajakan untuk melakukan seks pastinya tidak akan
ditolak. Buat suami
ingatlah tip ini sekiranya anda berkeinginan untuk
seks, pastikan anda
menggembirakan hati isteri terlebih dahulu.

IMAGINASI


Bukan lelaki sahaja yang berfantasi ttg seks,
kaum wanita juga punya
imaginasi atau fantasi ttg perkara ini. Namun
fantasi mereka tidaklah
ekstrem seperti lelaki. Kaum wanita atau isteri
selalunya berfantasi ttg
dirinya dilayan cukup romantic dan dibelai manja
oleh suami mereka. Jadi
buat suami, penuhkanlah fantasi isteri ini, layan
dan belailah mereka.
Jangan mengharapkan fantasi anda saja dipenuhi

Edaran Nafsu (Mani) Perempuan.....Siri (37)

Segala kejadian yang hidup beredar mengikut peredaran masa. Walau
pada zahirnya ia kelihatan statik, sebagaimana halnya dengan
bintang-bintang di angkasa. Nafsu perempuan itu (mani perempuan
menurut Kitab 'Ubab) beredar pada setiap hari disekitar
bahagian-bahagian badannya, sebagaimana juga dia mengalami pusingan
haid. Seorang suami patut mengetahui mengenai tempat-tempat yang patut
dirangsang pada badan isteri di haribulan tertentu bagi menolong isteri
cepat mencapai inzalnya.

Satu hal yang sepatutnya diperhatikan ialah bahawa kalendar Islam adalah
berasaskan peredaran bulan, tidak sebagaimana kalendar Masehi yang
berasaskan peredaran matahari. Peredaran bulan mempunyai kesan
kepada bumi dan isinya, secara saintifiknya telah terbukti bahawa
peredaran bulan penyebab kepada fenomena pasang surut yang berlaku
dibumi. Di dalam Islam, nafsu perempuan mempunyai fenomena yang
serupa. Rangsangan yang menyasar ke tempat yang betul akan
memberikan kesan kehairahan kepada isteri. Berikut adalah jadual
kaedah perangsangan:

Haribulan Hijrah - Tempat Rangsangan - Cara Merangsang

- 1) Telapak kaki yang kanan - garu dengan perlahan
- 2) Betis sebelah kanan - gosok agak kuat
- 3) Lutut yang kanan gosok - dengan agak kuat
- 4) Pehanya yang kanan - sentuh dengan peha suami
- 5) Pada ari dan bibir faraj - garu kuat pada tepi bibir faraj
- 6) Ketiaknya - garu dengan perlahan
- 7) Bahagian dada - dakap perlahan-lahan
- 8)  Buah dada kanan - ramas agak kuat
- 9) Bibir mulut cium - dengan agak kuat
- 10) Lehernya - temukan leher, usap, cium
- 11) Matanya - cium pada matanya

- 12) Keningnya - cium dengan perlahan
- 13) Dahinya - cium dahinya
- 14) Ubun-ubunnya - gosok dengan agak kuat
- 15) Seluruh tubuh badan - dakap, usap dan cium

Peredaran berulang kembali dari kaki isteri dan seterusnya sebagaimana disenaraikan di atas selepas dari 15 haribulan.

Pada zaman moden, haribulan Hijrah kurang dipentingkan walaupun bagi negara yang mana agama rasminya adalah Islam. Dari segi Ilmu Jima' secara spesifiknya, perkara ini akan menyebabkan seorang Muslim itu berjima' pada tarikh-tarikh yang makruh dilakukan jima' kerana sebab-sebab yang tertentu. Sebahagian dari tarikh memang tidak sesuai untuk jima' dan sepatutnya diketahui. Pesanan Nabi s.a.w. kepada Saidina 'Ali menghuraikan sebab musababnya.

Tips Untuk Kesihatan Tenaga Batin....Siri (38)

Segala apa yang dilakukan mempunyai kesan samada sertamerta atau berjangka panjang. Pelbagai petua pantang larang telah diajarkan oleh orang-orang tua Melayu bagi menjaga kesihatan tenaga batin. Ia bukan bertujuan mengharamkan yang halal tetapi berupa nasihat hasil dari pengalaman orang-orang terdahulu.

1. Jangan amalkan minum air batu kerana ia mengakibatkan zakar menjadi sejuk serta lembik dan mengakibatkan batang zakar ngilu bila jima'. Batang zakar harus sentiasa panas.
2. Jangan makan nasi berulamkan air. Minum air setelah selesai makan nasi, melainkan jika tercekik. Kesannya sama seperti minum air batu.
3. Usah amalkan makan makanan bersifat sejuk atau telah sejuk atau disejukkan. Ia boleh mengakibatkan air mani cair dan terpancut awal.
4. Jauhi makan makanan yang kuahnya berlinang kerana ia melemahkan zakar.
5. Jangan terus minum air selepas makan nasi, minum hanya setelah 2 minit suapan terakhir.
6. Jangan hembus nafas ketika minum, tahani nafas, ini membantu mengelakkan dari mudah lelah ketika jima'.
7. Elakkan minum air ketika badan sedang panas, selepas berlari atau bekerja berat. Berehatlah terlebih dahulu, sejukkan badan, kemudian baharulah minum air.
8. Jangan makan kepak ayam daging kerana ia melemahkan zakar.
9. Jangan makan nasi sejuk, panaskan dahulu.
10. Kurangkan dari memakan Pisang Embun.
11. Elakkan minum air selepas jam 11.00 malam walaupun air panas kerana ia melemahkan otot pinggang dan membawa sengal badan.
12. Elakkan dari buang air ditempat air bertakung, carilah tempat yang kering dahulu kemudian buang air besar. Ini melatih mengawal otot zakar dengan baik.
13. Jangan amalkan melancap kerana ia memaksa mani keluar dan melemahkan zakar.
14. Jangan bersetubuh dengan perempuan yang jauh lebih tua.
15. Jangan biarkan isteri menindih zakar ketika tidur. Aliran darah yang sempurna amat perlu pada zakar kerana waktu tidur darah menuju zakar, tindihan dari paha dan lutut yang sejuk membantutkan aliran dan melemahkan zakar.
16. Jangan buang air kecil di atas tanah atau ketika berendam dalam air.
17. Jika berumur lebih 30 tahun, elakkan dari jima' lebih dari 3 kali seminggu, kerana perlu cukup masa membina kembali tenaga batin.
18. Jangan jima' di dalam air.
19. Jangan terus minum air selepas jima', rehat dahulu 15 minit.

- 20. Jangan biarkan pinggang terhentak dengan kuat kerana mengakibatkan mati pucuk.
 - 21. Jangan biarkan zakar terendam begitu lama selepas klimaks.
 - 22. Jangan jima' isteri yang sedang haid kerana mendatangkan penyakit.
 - 23. Jangan cungkil gigi dengan kemuncut (tangcai bunga lalang) kerana ia mengakibatkan zakar jadi ngilu dan kurang bertenaga.
-

Menghindari Kedinginan Seks Lelaki....Siri (39)

Bukan semua lelaki sentiasa bersedia maupun berupaya utk melakukan seks setiap kali diminta oleh isterinya. Lelaki akan cukup bertindakbalas dan menegangkan penisnya sewaktu dirinya benar2 bersedia. Sebagai isteri anda juga perlu memahami situasi suami sekiranya anda dapati ada sesekali kemampuannya tidak seperti yg diinginkan. Lelaki akan cuba bertindakbalas sekiranya:

- Dia tidak terlalu penat
 - Dia dalam keadaan yg selesa iaitu tidak menghadapi sebarang penyakit seperti sakit kepala atau pun sakit pinggang.
 - Emosinya stabil dan tidak terganggu.
 - Dia tidak berada dalam situasi seperti marah, risau, kecewa dan rendah diri.
 - Dia tertarik dengan penampilan anda pada malam itu. Tidak wujud perasaan mengenai kemampuannya dalam bersenggama.
 - Tidak wujud tekanan dalam perhubungan, contohnya pertengkaran.
 - Tiada gangguan persekitaran seperti tiada gangguan telefon ataupun didengari oleh orang berhampiran.
 - Tidak mengambil dadah atau minum arak berlebihan. Lelaki yg mempunyai masalah zakar kurang tegang perlu menjauhi diri daripada arak dan dadah.
-

Rahsia Seksi Di Bilik Tidur....Siri (40)

Hai...berjumpa lagi di pagi Rabu ni. Kali ini kita cerita pasal seks di bilik tidur pula. Penting tu.. 

Carilah masa untuk bersantai dgn pasangan anda sekerao mungkin agar dia tahu bahawa, anda masih tetap mencintai dan menghargai antara satu sama lain.

Ada beberapa rahsia seks di bilik tidur yang boleh diamalkan, dalam mengukuhkan lagi hubungan anda dengan pasangan. Manalah tahu ia sesuai untuk anda. Cuba anda...

- 1) Bila anda mula berasa bosan sewaktu bersama atau ketika melakukan hubungan seksual, cuba eksplorasi keinginan masing-masing dalam apa jua kaedah yang diinginkan. Lebih kreatif dan bertenaga akan membuat hidup anda lebih ceria. Percayalah...
 - 2) Lakukan secara spontan tapi mestilah keadaan masing-masing telah bersedia untuk 'bercinta'. Jangan dipersiapkan kesempatan yang ada. Kalau tidak dibilik tidur pun, tidak salah ketika berehat ketika selepas makan tengahari. Atau di atas sofa yang ditempatkan dihujung bilik tidur anda. Malah sesekali merangsang pasangan anda dari belakang, ketika tengah tidur boleh dipraktikkan. Sentuh dengan penuh manja, pasti anda tidak rugi apa-apa.
 - 3) Berkomunikasi secara terbuka dan jujur tentang hasrat anda, sebelum melakukan hubungan seksual akan 'mencantikkan' lagi aksi diatas katil. Jangan takut untuk meminta apa saja yang anda inginkan kerana dia juga begitu. Selagi ia menyenangkan kedua-dua belah pihak, apa salahnya.
 - 4) Pelajarilah bagaimana menikmati hubungan seksual yang hebat menerusi pembacaan, pengalaman kemudian barulah dipraktikkan bersama. Ini akan mengurangkan perasaan bimbang diri tidak sempurna, kerana anda mudah bertolak ansur antara satu sama lain.
 - 5) Seksi sebenar bukan terletak pada tubuh semata-mata sebaliknya, jangan dilupakan kesihatan dan kebersihan 'barangan' peribadi.
 - 6) Jangan menganggap sesuatu perkara itu sebagai terlalu serius. Sebaliknya lakukan secara santai agara anda saling menikmati, detik-detik masa yang dilalui bersama.
-

Bagaimana Melakukan Seks Dgn Isteri ...Siri (41)

Mengikuti Pendapat Ulama - Iman Shafie berpendapat, ada tiga malam dalam seminggu hukumnya sunnat membuat seks (jimak) dengan isteri. Malam-malam itu ialah Jumaat, Isnin dan Khamis.

Tidak menjadi kesalahan melakukan seks setiap malam, tetapi dikhuatiri zakar dan buah pinggang akan menanggung risiko yang berat, terpaksa bekerja setiap hari. Berilah ruang untuk rihat kepada tenaga batin - pendapat Dr Nik

' Nabi berpesan, " Sekiranya kamu merasa akan turunnya mani, janganlah cepat-cepat kamu mencabut zakarmu. Biarkan dahulu sehingga isteri kamu juga turut sama turunnya mani. Ini kerana pada saat itulah terletaknya punca kenikmatan yang amat sangat bagi pasangan suami isteri yang berjimak."

[Jauhilah ZINA kerana zina itu membawa malapetaka kepada semua manusia. Ia dapat memusnahkan lelaki dan perempuan, Senang mendapat jangkitan gonorrhoea, siflis , herpes atau HIV]

Cara Yang sesuai Untuk Jimak Isteri

Setiap kali melakukan hubungan badan dengan suami-isteri beberapa abad harus diikuti;-
(Jangan mengharamkan yang halal)

Pesanan Untuk Kedua-dua Suami Isteri
Sebelum , Sewaktu dan Selepas Jimak

Fakta No.1

- Bersopan santum
- Isteri pakailah pakaian nipis, supaya nampak ghairah.
- Pakailah bau-bauan yang lembut (jangan minyak atar Mekkah, busok ! Kecuali Malaikat Suboh)

Jika ada, musik yang lembut dan halus memang digalakkan.

Fakta No. 2

Bercumbu-cumbuan sebelum jimak

Fakta No.3

Bila sudah kemuncak, masukkan zakar perlahan-lahan kefaraj dan layarilah nikmat yang Tuhan anugerahkan kepada kita dengan baik dan sopan.

Jangan sekali-kali gopoh-gapah dalam melakukan hubungan badan, kerana ini akan menyebabkan cepat terpancutnya air mani atau dikenali sebagai pancutan pramasa.

Kalau anda pelahankan sedikit seni tusukan zakar, maka anda dapati, anda dapat bertahan lebih lama dalam melayari hubungan batin dengan isteri anda.

Sekiranya anda terlampau cepat keluar air mani atau pancutan pramasa, maka kita ada ubat untuk mengatasinya. Jangan risau, ikhtiarlah segera, jangan menunggu.

Fakta No. 4

Sekiranya air mani sudah terpancut, JANGAN sekali-kali biarkan isteri anda terkapai-kapai dan kecewa kerana kebiasaannya orang perempuan memang payah untuk sampai kemuncak syahwat. Maka romancelah isteri anda sehingga beliau mencapai kepuasan.

Jangan sekali-kali terus tidur selepas jimak. Ini satu cara yang salah !!

Fakta No.5

Tukarlah posisi berjimak, agar anda merasa kenikmatan yang lebih. Kadang-kadang jika anda melakukan posisi yang sama sahaja, kenikmatan seks anda mungkin akan menurun, dan anda tidak menghayati betul-betul sunnah Rasulullah, dimana beliau menyatakan bahawa 'isteri kamu itu diibaratkan sebagai taman, maka gaulilah ia sebaik mungkin'

Fakta ke 6

Gaulilah isteri kamu secara sopan, isteri kamu bukanlah pelacur yang harus dibuat bermacam-macam karenah kamu yang kurang sopan. Baikilah tingkah laku kamu secara sopan dan lemah lembut.

Bagaimana berjimak setiap muslim...Siri (42)

MERAYU dan BERCUMBU:

Nabi Muhammad s.a.w. melarang suami melakukan persetubuhan sebelum membangkitkan syahwat isteri dengan rayuan dan bercumbu terlebih dahulu. Hadits Riwayat al-Khatib dari Jabir.

TELANJANG BULAT:

Apabila diantara kamu mencampuri isterinya, hendaklah ia menutupi dirinya dan menutupi isterinya dan janganlah keduanya (suami isteri) bertelanjang bulat seperti keledai. Hadits Riwayat Tabrani.

MENYETUBUHI DUBUR:

Terkutuklah orang yang menyetubuhi isteri diduburnya. Hadits Riwayat Abu Dawud dan an-Nasa'i dari Abu Hurairah.

DOA SEBELUM BERSETUBUH:

"Bismillah. Allaahumma jannibnaash syaithaa-na wa jannibish syaithaa-na maa razaqtanaa". Dengan nama Allah. Ya Allah, jauhkanlah kami berdua (suami isteri) dari gangguan syaithan serta jauhkan pula syaithan itu dari apa saja yang Engkau rezqikan kepada kami.

Dari Abdulah Ibnu Abbas r.a. berkata: Maka sesungguhnya apabila ditakdirkan dari suami isteri itu mendapat seorang anak dalam persetubuhan itu, tidak akan dirosak oleh syaithan selama-lamanya. Hadits Sahih Riwayat Bukhari dan Muslim dari Ibnu Abbas r.a.

HAMPIR KELUAR MANI:

Dan apabila air manimu hampir keluar, katakan dalam hatimu dan jangan menggerakkan kedua bibirmu kalimat ini: "Alhamdulillahil ladzii khalaqa minal maa'i basyara". Segala pujian hanya untuk Allah yang menciptakan manusia dari pada air.

PUTUS DITENGAH JALAN:

Apabila seseorang diantara kamu bersetubuh dengan isterinya maka janganlah ia menghentikan persetubuhannya itu sehingga isterimu juga telah selesai melampiaskan hajatnya (syahwat atau mencapai kepuasan) sebagaimana kamu juga menghendaki lepasnya hajatmu (syahwat atau mencapai kepuasan). Hadits Riwayat Ibnu Addi.

MENDATANGI ISTERI MELALUI BELAKANG (ISTERI MENONGGENG):

Dari Jabir b. Abdulah berkata: Bahawa orang-orang Yahudi (beranggapan) berkata: Apabila seseorang menyetubuhi isterinya pada kemaluannya Melalui Belakang maka mata anaknya (yang lahir) akan menjadi juling. Lalu turunlah ayat suci demikian:

"Isteri-isteri kamu adalah ladang bagimu maka datangilah ladangmu itu dari arah mana saja yang kamu sukai". Surah Al Baqarah - ayat 223.

Keterangan:

Suami diperbolehkan menyetubuhi isteri dengan apa cara sekalipun (dari belakang, dari kanan, dari kiri dsb asalkan dilubang faraj).

BERSETUBUH MENDAPAT PAHALA:

Rasulullah s.a.w. bersabda: ".....dan apabila engkau menyetubuhi isterimu, engkau mendapat pahala".

Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, adakah seseorang dari kami mendapat pahala dalam melampiaskan syahwat?

Nabi menjawab: Bukankah kalau ia meletakkan (syahwatnya) ditempat yang haram tidakkah ia berdosa? Demikian pula kalau ia meletakkan (syahwatnya) pada jalan yang halal maka ia mendapat pahala. Hadits Riwayat Muslim.

MENGULANGI PERSETUBUHAN:

Apabila diantara kamu telah mencampuri isterinya kemudian ia akan mengulangi persetubuhannya itu maka hendaklah ia mencuci zakarnya terlebih dahulu. Hadits Riwayat Baihaqi.

HAID:

Mereka menanyakan kepada engkau tentang perkara Haid.

Katakanlah: "Haid itu adalah kotoran". Oleh kerana itu jauhilah diri kamu dengan wanita-wanita yang sedang Haid dan janganlah kamu mendekati (menyetubuhi) mereka, sebelum mereka bersuci*.

Apabila mereka telah bersuci maka bolehlah kamu menyetubuhi mereka ditempat yang diperintahkan Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah itu menyukai orang-orang yang bertaubat dan Allah menyukai orang-orang yang mensucikan dirinya. Surah Al Baqarah - ayat 222.

*Jangan mendekati bermaksud dilarang bersetubuh dengan isteri yang sedang kedatangan bulan dan bukanlah dilarang memergaulinya sehari-hari.

ASALKAN TIDAK BERSETUBUH:

Dari Masruuq b.Ajda'i berkata: Aku telah bertanya kepada 'Aisyah tentang sesuatu yang boleh dilakukan seorang suami terhadap isterinya yang sedang Haid.

'Aisyah menjawab: Apa saja boleh, kecuali kemaluannya (bersetubuh). Hadits Riwayat Bukhari dalam buku sejarahnya.

Rasa kekeringan ketika bersama...Siri (43)

APABILA wanita itu mengalami rangsangan seksual dan ketika itu dia minat untuk melakukan sentuhan dan hubungan keintiman seksual dengan pasangannya dia akan dapati anggota sulitnya mengembang dengan bibir besar menjadi gebu, bibir kecil menjadi kembang, menebal dan memanjang dan klitoris menjadi erek dan terkeluar dari kulopnya dan pembukaan faraj lega serta bahagian antara bibir kecil iaitu bahagian 'vestibule' menjadi lembap dan ketika itu anggota sulitnya sudah ada dalam keadaan bersedia untuk hubungan penetratif seksual.

Kesemua perubahan ini berlaku akibat kemasukan darah yang banyak ke dalam anggota tersebut akibat proses rangsangan. Sekiranya proses ini tidak berlaku walaupun wanita itu dalam keadaan bersedia, keadaan anggota sulitnya tidak akan berada dalam keadaan 'bersedia' untuk hubungan kelamin dan jika dia melakukan juga kerana menjalankan tanggungjawabnya dia akan rasa sakit.

Wanita yang tidak berada dalam keadaan bersedia atau tiada mood untuk melakukan persetubuhan akan dapati yang dia mengambil masa untuk mencapai rangsangan dan jika dia teruskan dengan persetubuhan dia akan dapati yang persetubuhan itu menyakitkan dia dan pasangan kerana anggota sulitnya kurang lembap atau 'meragam' iaitu kadangkala lembap dan kadangkala kering dan pengalaman ini akan memberi tekanan kepadanya dan kesudahannya dia akan rasa kurang yakin untuk melakukan hubungan seksual kerana takut perkara yang sama akan berulang.

Sudah tentu perkara yang sama akan berulang jika dia rasa cemas setiap kali pasangan mengajaknya kerana perasan cemas itu akan mengakibatkan proses rangsangan seksual tergendala kerana pengeluaran 'adrenalin' ketika berada dalam keadaan cemas mengakibatkan proses rangsangan anggota seksual terbantut. Keadaan ini dinamakan 'mati putik' dan sama dengan keadaan yang dialami lelaki yang dikenali sebagai 'mati pucuk'!

Wanita yang suatu ketika menghayati keselesaan dan keseronokan dalam hubungan seksual dan kemudiannya teras tertekan akibat perubahan yang berlaku kepadanya seperti kekeringan dan kekesatan akan dapati perubahan ini menjadi ketara dari masa ke masa kerana efek 'adrenalin'. Kekeringan juga boleh berlaku apabila pundi yang menghasilkan lelehan itu radang akibat tekanan atau akibat efek 'adrenalin'.

Jadi untuk sementara waktu wanita itu boleh gunakan bahan pelicin yang memberi keselesaan kepadanya dan pasangannya. Di samping itu wanita itu perlu faham yang perasan cemas akan mencetuskan kekeringan faraj apabila pundi yang menghasilkan lelehan kurang aktif kerana efek 'perasaan cemas' itu dan apabila dia kembali berperasaan biasa, pundi akan mula berfungsi dan hubungan seksual menjadi selesa. Dia boleh mengurangkan tekanan kepada faraj dengan melegakan pembukaan lubang faraj dengan melegakan kemut dan mengawal pembukaan faraj supaya dia rasa selesa dan pasangan tidak terasa kesat dan dalam keadaan itu proses rangsangan akan kembali serta merta dalam sekelip mata dan kelembapan menjadi biasa.

Kadangkala keradangan faraj juga boleh mengakibatkan kekesatan faraj dan keradangan ini boleh disebabkan jangkitan atau penggunaan bahan pencuci anggota sulit. Dapatkan nasihat dan pemeriksaan doktor jika masalah kekesatan berpanjangan.\

Kaedah Utk Mendapat Anak Lelaki atau Perempuan...Siri (44)

Tidak salah jika pasangan menggunakan teknologi merancang mendapatkan anak mengikut jantina diinginkan. Bagaimanapun Allah saja yang menentukan, kita hanya boleh merancang.

Jika ingin anak perempuan, lakukan persetubuhan lebih kerap sebelum waktu subur perempuan dan hentikan tiga atau empat hari sebelum telur keluar. Sperma yang menentukan anak perempuan tahan lama daripada sperma yang menentukan anak lelaki.

Jika merancang untuk anak lelaki pastikan bersetubuh kerap pada waktu subur wanita. Sperma yang menentukan anak lelaki (sperma Y) cepat bergerak dan akan tuju ke telur dulu daripada sperma yang menentukan anak perempuan (sperma X).

Pastikan mencuci faraj dengan cecair dari bancuhan 'Latacyd' bahan berasid biologi sebelum bersetubuh untuk anak perempuan dan bancuhan soda bikarbonat atau baking powder untuk anak lelaki.

Faktor pemakanan tidak memainkan peranan sebegitu. Tinjauan rambang mendapati pasangan yang suka makanan laut, berkemungkinan mendapat anak lelaki dan mereka yang kuat minum susu dan mengambil makanan diperkaya dengan kalsium, kemungkinan tinggi mendapat anak perempuan

Rasa Kurang Nafsu dan Takut Bersama Suami Setelah Bersalin...Siri (45)

Masa kembalinya keinginan untuk hubungan kelamin selepas melahirkan anak sangat berbeza antara pasangan dan antara satu kehamilan dengan kehamilan yang lain.

Contohnya, seseorang wanita mungkin berkeinginan semula selepas tiga minggu bersalin tetapi mungkin tidak berapa bernafsu walaupun selepas tiga bulan bersalin anak yang seterusnya.

Perkara ini tidak perlu dirisaukan kerana ada banyak faktor yang boleh mengurangkan keinginan hubungan kelamin selepas bersalin.

Antara faktornya ialah:

1. Selain daripada berasa tidak selesa, adalah biasa bagi ibu terasa dirinya tidak lagi menarik sehingga menyebabkan mereka mengelak daripada hubungan kelamin atau mereka berfikir secara negatif.
2. Kerisauan dan gangguan lain seperti anak menangis boleh juga mengurangkan keinginan hubungan kelamin.
3. Takut untuk mengandung semula boleh mengganggu dan pemakaian semula kaedah kawalan kehamilan boleh juga merisaukan dan menyusahkan hati.
4. Parut jahitan atau episiotomi boleh menyebabkan kesakitan ketika hubungan kelamin dan mungkin mengambil masa untuk benar-benar hilang rasa kesakitan itu.
5. Oleh sebab paras hormon belum pulih ke tahap yang normal, faraj menjadi kering yang juga boleh menyebabkan kesakitan ketika hubungan kelamin.

Antara langkah untuk mengatasi ialah:

1. Bersenam, terutama senaman pelvis untuk mengurangkan kelonggaran faraj dan senaman otot perut untuk mengembalikan kekentalan otot. Dengan hanya berbarut tidak berkesan untuk mengembalikan kekentalan otot yang sudah banyak lentur ketika hamil. Barut berfungsi untuk menyokong kulit perut yang sudah kendur.
2. Menggunakan pelincir seperti KY jeli untuk mengurangkan kekeringan faraj dan mengurangkan kesakitan. Elakkan daripada menggunakan pelincir yang tidak larut air seperti jeli petroleum kerana ia akan menghalang udara sampai kepada permukaan faraj dan ini akan menggalakkan pertumbuhan bakteria.
3. Pasangan perlu membuat rangsangan awal sebelum hubungan kelamin. Sebaik-baiknya hubungan penuh dielakkan untuk beberapa hubungan selepas bersalin.

Waktu subur seseorang wanita ialah kira 14 hari sebelum kedatangan haid yang seterusnya.

Anda mungkin mengalami keadaan anaemia seperti kurang darah, disebabkan kehilangan darah ketika bersalin, penyusuan bayi yang terlalu lama, kekerapan kehamilan, pendarahan haid yang teruk dan kurang pemakanan berzat besi.

Penyakit kurang darah boleh membuat seseorang itu cepat letih, pening kepala dan pitam. Anda dinasihatkan berjumpa doktor untuk pemeriksaan darah dan jika disahkan kekurangan darah, anda perlu memakan pil zat besi.

Keluar cecair selepas bersama suami...Siri (46)

AIR mani mengandungi cecair mani, sperma dan banyak bahan nutrien. Air mani yang keluar selepas hubungan kelamin adalah dijangkakan. Ini kerana ruang vagina adalah ruang yang tidak berbentuk dan dindingnya saling melekap semasa keadaan biasa.

Jika berlaku kemasukan seperti alat kelamin ketika hubungan seks, ia memberi ruang dan mengikut bentuk alat kelamin berkenaan. Selepas alat kelamin dikeluarkan, dinding vagina akan melekap semula, maka air mani akan terkeluar.

Pada masa sama, sebahagian sperma sudah atau sedang menuju ke dalam ruang rahim. Pendapat supaya mengangkat punggung selepas bersama adalah bertujuan meningkatkan peluang cecair mani yang tinggal (bersama sebahagian sperma yang tinggal) untuk kena terus pada bukaan pintu rahim.

Wanita Premenopaus Dan Hubungan Seks...Siri (47)

HUBUNGAN seks memang keperluan naluri dan batin manusia selain mengeratkan hubungan silaturahim antara pasangan. Pasangan muda berkemampuan untuk menikmatinya kerana tahap kecergasan dan kesihatan mereka yang optimum. Memandangkan hubungan seks memerlukan daya tenaga dan tahap kesihatan yang baik, maka perlu untuk pasangan memastikan mereka dalam keadaan bertenaga dan sihat.

Jadi untuk pasangan kelamin yang kurang bertenaga, mereka mungkin tiada daya dan upaya untuk melakukan hubungan seksual mengikut kemampuan dulu jika mereka tidak berusaha menjaga tahap kesihatan dan kecergasan badan.

Cara yang berkesan untuk menjaga tahap kecergasan dan kesihatan fizikal ialah mengamalkan gaya hidup sihat. Jaga berat badan dan pastikan berat badan dalam tahap yang unggul. Kurangkan makanan berlemak dan lebihkan bijirin, sayur-sayuran dan buah-buahan. Ambil makanan tambahan seperti multivitamin dan zat galian yang sesuai untuk orang yang berumur.

Lakukan senaman secara berkala untuk daya kecergasan badan atau 'stamina'. Pastikan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala kerana penyakit kronik boleh muncul bila-bila masa dan jika terkena penyakit kronik seperti kencing manis, tekanan darah tinggi, sakit jantung, gout dan sakit sendi, sudah tentu akan menjejaskan kemampuan dan keselesaan hubungan seks.

Wanita yang masuk di ambang putus haid perlu tahu yang tahap hormon estrogen akan berkurangan dan termasuk juga hormon testosterone dan DHEA yang juga akan berkurang. Jika tahap hormon tersebut kurang mereka akan mengalami simptom seperti kelesuan, keletihan, tidak bermaya, sakit sendi dan otot dan emosi meragam dan kurang minat kepada hubungan seksual.

Mereka boleh berjumpa doktor untuk menjalani pemeriksaan dan bimbingan tentang masalah tersebut dan mungkin dengan rawatan alternatif atau dengan pengambilan hormon, kesihatan mereka akan sempurna kembali.

Tidak salah jika wanita itu hendak mencuba makanan tambahan yang dapat membantu mengurangkan simptom premenopaus yang merunsingkan mereka. Mereka boleh bercakap dengan ahli farmasi di mana-mana kedai farmasi untuk maklumat dan mungkin ahli farmasi dapat membantu. Herba seperti Remifemin, Fem-E dan Phyto Oestro Kacip Fatimah dapat membantu dan boleh dibeli tanpa preskripsi.

Apa yang penting ialah wanita itu berusaha membina keluarga yang harmoni dan hubungan seks yang dapat merapatkan kemesraan antara pasangan dan perlu dijaga supaya kekal mengikut kemampuan dan keselesaan kedua-duanya.

Gaya hidup sihat mantapkan hubungan suami, isteri...Siri (48)

HUBUNGAN keintiman seksual memerlukan tenaga dan motivasi selain daripada kefahaman tentang cara, gaya dan tekniknya. Tanpa tenaga akan terasa letih dan lesu dan jika tiada motivasi tidak dapat keseronokan dan keceriaan hubungan itu dan jika tidak tahu cara gaya dan teknik sudah tentu akan terasa kekok dan tidak selesa dan lambat laun akan mengelakkan diri daripada melakukannya!

Badan yang sihat dapat melakukan apa apa saja baik aktiviti lasak atau aktiviti seksual yang mana kedua-dua aktiviti itu memerlukan badan yang bertenaga dan sejahtera. Untuk penjagaan kesihatan ke tahap cemerlang pastikan amalan gaya hidup yang sihat.

Makan makanan yang seimbang yang mengandungi karbohidrat, lemak, protein, zat galian dan vitamin yang mencukupi serta serat dan air yang mencukupi. Kawal berat badan jika melebihi batasan struktur badan. Kawal pemakanan dan lakukan senaman secara berkala.

Pastikan otot tubuh badan tegap, langsing dan bertenaga. Jika senaman itu membuat badan tidak selesa, mungkin urutan kepada otot yang letih itu dapat menyegarkan.

Mengurut anggota sulit dan otot bahagian anggota sulit bukan cara yang baik untuk mendapat pemulihan dan pemantapan anggota sulit, malah akan menekan jika anggota itu tercedera. Jadi memang mengurut jika anggota sulit dilakukan urutan yang kononnya dapat memulihkan tenaga batin.

Kesihatan dan keselesaan badan itu yang lebih mustahak. Jika itu kurang walau apa pun dilakukan kepada badan itu baik diurut atau dilakukan apa apa sekali pun tidak akan mendatangkan apa-apa kebaikan.

Sebelum memulakan senaman perlu melakukan senaman ringan atau 'warming up', hubungan seksual juga perlu 'warming up'. Lakukan sentuhan ringan dan urutan erotik dan apabila keadaan menjadi hangat baru lakukan

sentuhan berat yang lebih intim seperti mengurut ereksi dan anggota sulit dan apabila sudah bersedia baru lakukan penetrasi dan pergerakan mengikut keselesaan dan keseronokan. Apabila mencapai klimaks dan keadaan reda boleh rehat seketika dan jika hendak lakukan lagi ikut selera.

Pasangan yang berumur mungkin mengambil masa yang lama sedikit untuk pusingan kedua jika dibandingkan dengan pasangan yang lebih muda tetapi ini tertakluk kepada kemampuan masing-masing!

Jika keletihan memang tiada mood untuk bersama, sama juga dalam keadaan berbalahan. Hubungan mesra meyakinkan dan memudahkan pasangan rasa selesa dan terbuka untuk melakukan hubungan seksual.

Tiada apa-apa vitamin atau ubat kuat yang dapat memberi tenaga yang berkekalan yang membantu individu itu selepas bersetubuh apabila individu itu rasa letih dan lesu. Jika ada itu hanya rekaan dan untuk mengaut untung saja. Tidak salah mengamalkan pengambilan supplement dan herba tertentu. Misalnya amalkan makan Herba Tongkat Ali (dalam bentuk kapsul) untuk lelaki. Jika minat boleh cuba jenama Tongkat Ali Beiklin, Phyto-andro Tongkat Ali atau NU-Prep yang mana bahan asasnya telah diselidik dan didapati berkesan untuk tenaga dan kesejahteraan tubuh badan. Lagi berkesan jika lelaki itu tidak tinggalkan senaman. Kacip Fatimah (jenama Phyto-Oestro Kacip Fatimah) disyorkan kepada wanita untuk perkara yang sama.

Wanita pun boleh makan Tongkat Ali untuk tenaga (jenama yang sama). Bagaimanapun herba dan supplement tidak dapat membantu jika individu itu tidak mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Suami Suka Isteri Pun Sayang...Siri (49)

Situasi ini terjadi bila ejakulasi yang dialaai terlalu awal, iaitu ketika anda sedang melakukan hubungan seksual bersama pasangan. Biasanya keadaan ini sering enghapakan isteri. Ini kerana selepas air ani suai dilepaskan, penisnya akan hilang kekerasan dan isteri tidak lagi merasa kenikmatannya.

Anda mungkin pernah mengalaminya dan tahukah anda, mengikut satu kaji selidik yang pernah dijalankan, dainggarkan satu pertiga lelaki di bawah umur 25 mempunyai masalah ini. Oelh itu apakah yang menyebabkan air mani terkeluar terlalu awal?

Dikatakan kaum lelaki memang lebih senang mencapai kemuncat shahwatnya (orgasme). Namun begitu teknik melambatkannya boleh dipelajari kerana secara tidak langsung ia dapat memanjangkan lagi masa keseronokan, untuk dirinya sendiri.

Bahkan anda sendiri tentu setuju bahawa isteri juga gemar mengalami orgasme semasa penis suami, masih dalam varginanya. Caranya ialah dengan beberapa 'gerakan mesra' untuk tempoh masa yang agak lama dari kebiasaan. Terdapat berbagai sebab kenapa suami mudah mengalaminya, termasuklah yang berkaitan dengan psikologi iaitu seperti rasa takut, serba salah dan risau jika aksinya kelak tidak dapat memuaskan hati si isteri.

Perkara pertama seorang suami harus ingat, sebelum bersama pasangannya ialah mahukan hubungan yang diberkati. Berdoa padaNya agar diberi zuriat yang diredhai, selain dapat memuaskan batin si isteri perlu disemai dalam hati.

Lagipun kebanyakan isteri tidak menyukai bilamana, hubungan seksual berlangsung dalam keadaan kelamkabut. Oleh itu ambillah masa untuk bergurau senda dan bermesra bersama pasangan, sebelum masing-masing bersedia melakukan aktiviti seterusnya. Lebih lama masa yang diambil untuk 'foreplay' ini makna kepuasan lah bakal anda kecap...

Beberapa dakwaan seperti menggunakan beberapa lapis kondom, memikirkan sesuatu benda lain semasa melakukan hubungan seksual, menggigit pipi si suami, sering melakukan onani, menyapukan 'krim-krim ajaib' dibahagian alat kelamin yang kononya dapat membantu masalah ini, adalah antara beberapa contoh perlu anda elakkan. Sebenarnya tiada jalan mudah untuk mengatasi masalah ini, melainkan dengan mempelajari dan memahami perasaan dan sensasi yang mampu dirasakan, sewaktu anda mahupun pasangan sedang menikmatinya.

Dengan itu anda akan lebih mudah menjangkakan bila ejakulasi yang semakin hampir tadi, akan sampai kemuncaknya. Sekali gus anda dapat mengawal situasi, atau apa yang dipanggil 'detik tak mungkin kembali'.

Pasangan anda harus tahu di mana 'detik tak mungkin kembali' nya berada, pada tahap tersebut. Dikatakan ia adalah saat di mana, dia tidak dapat menahan ejakulasi dan mahu melepaskannya dengan segera. Saraf-saraf otak pula akan menghantar syarat melalui tulang belakangnya terus kebahagian kelamin, agar ianya cepat dilepaskan.

Bila sudah menyedari di mana 'detik tak mungkin kembali'nya itu berada, dia perlu fokuskan perhatian agar dirinya tidak mengahampirinya, selagi belum bersedia. Mungkin juga dengan menghentikan gerakan atau menukar posisi, dapat melambatkan ejakulasi.

Kamar Tidur Bukan Sekadar Tempat Berasmara....Siri (50)

Tempat tidur bukan sekadar tempat memadu asmara tetapi menjadi tempat untuk bercerita akan kehidupan seharian bersama pasangan. Apa yang terjadi di pejabat, perihal perjalanan ke tempat kerja dan sebagainya boleh diceritakan kepada pasangan anda. Tahukah rahsia disebalik kamar 'tertutup' ini. Ini bukan sekadar tempat anda melakukan hubungan seksual tetapi jika kena pada caranya, ia boleh mempertingkatkan rahsia keintiman anda berdua.

1) Jika kamar tidur anda masih sama susunan perabotnya seperti lima tahun dahulu, apakah anda menggunakan kreativiti untuk menyusun atur kembali perabot. Biarpun barang lama jika diubah posisinya, pasti cantik. Tampak lebih menarik, jika anda mengecat bilik tidur dengan warna yang lebih romantik. Bila semuanya tampak serba baru, bolehlah anda kerahkan tenaga berlebihan dengan aksi yang lebih hebat. Peliharalah, nikmati dan bersuka ria di tempat tidur. Pasti anda merasai nikmat multioragisme.

2) Lakukanlah secara spontan dan mulailah berasmara ketika ada kesempatan. Anda boleh memulai asmara dengan secara ringan ketika berehat selepas makan tengahari, dikerusi belakang kereta atau mula merangsang pasangan dari arah belakang, di saat dia berehat. Ucapkan kepadanya bahawa anda benar-benar mahukannya pada malam hari. Pasti pasangan anda rasa dihargai dan ungkapan kehebatannya selepas anda berasmara.

3) Berkomunikasilah secara terbuka dan jujur tentang rahsia keinginan dan keperluan seksual. Seks bukan sesuatu yang memalukan sebaliknya akan menambah kasih sayang antara anda dan pasangan. Jika anda merasakan 'persembahan' pasangan kurang hebat, beritahulah secara jujur. Jangan takut meminta apa yang anda inginkan di tempat tidur. Ini termasuklah hubungan seksual mahu dilakukan dua atau tiga kali semalam. Bukankah itu hak anda? Tapi perlulah ada cara tersendiri bagaimana memikat suami kerana setiap orang, lain caranya. Bersuaralah dengan nada memujuk, lelaki biasanya akan cair dengan cara ini. Pastikan semuanya baik-baik sahaja dan menyenangkan.

4) Belajarlah bagaimana seks yang hebat, baca, pelajari dan praktikkan. Membaca bukan sekadar menambah ilmu pengetahuan tetapi anda boleh membincangkannya dengan pasangan bagaimana untuk menjadikan hubungan seksual anda hebat dan menjadi kenangan. Memang lelaki agak malas dalam hal pembacaan kerana bagi mereka, ia membuang masa. Tapi anda boleh jadi tempat menimba ilmu dan salurkan kepada pasangan.

5) Berlama-lamaanlah ketika anda tengah asyik di tempat tidur. Ia boleh memberikan ketenangan apatah lagi anda dapat memerhatikan raut wajah pasangan yang sedang lena tidur. Jangan biarkan anda dan pasangan dibelenggu dengan masalah sebaliknya saling berkerjasamalah agar anda memperoleh kesenangan terutamanya ketika melakukan hubungan seksual.

6) Paling penting ketika di tempat tidur, anda hendaklah menjaga kebersihan diri. Jangan tampil dengan gaya selekeh kerana ia boleh mematikan mood pasangan. Ada sesetengah orang tidak begitu menjaga penampilan diri. Sekadar berkain batik, memakai T-shirt ayau berseluar pendek ia boleh mematikan mood anda. Memang ada yang membahaskan bahawa apa yang dipakai itu tidak penting kerana anda akan melucutkannya kelak tetapi sebenarnya baju nipis yang membaluti tubuh, lebih memberikan ghairah awalan untuk anda memulakan langkah seterusnya. Bukan sekadar pakaian tetapi mandilah sebersih-bersihnya selain memakai haruman. Bukankah kebersihan itu dituntut oleh agama? Jadi apabila nafas anda tidak berbau, tubuh harum menyengat memberikan ghairah berlebihan. Nikmatilah hubungan seksual dengan penuh kasih dan sayang.

7) Jangan sesekali egois di tempat tidur. Buangkan sikap buruk anda itu kerana ia akan memberikan tekanan kepada pasangan. Berikan kerjasama yang sebaik-baiknya ketika anda melakukan hubungan seksual, barulah anda akan menikmatinya sepenuh rasa. Ikutilah rentak pasangan dan sesekali pamerkan skill anda, barulah daya seksual lebih menarik. Percayalah anda akan merasai nikmat seksual yang berkekalan.



Penting untuk anda mengetahui nilai bercinta dengan hanya berhubungan seksual. Yakinlah memberikan pasangan anda waktu untuk penyesuaian diri dan anda akan merasai begitu dihargai pasangan.

Kenali G-spot Anda (Wanita)...Siri...(51)

Misteri titik G-spot yang dapat memberikan kenikmatan dan sensasi dahsyat ketika melakukan hubungan seksual hingga sekarang masih menjadi tanda soal bagi para wanita, termasuklah pakar-pakar seksologi.

Umumnya, wanita memang sukar menemukan titik ini yang kononya terletak pada dinding depan vagina sekitar satu setengah hingga dua inci dari lubang luar vagina. Kesulitan mencari daerah ini terjadi kerana tidak semua wanita bersedia menerima ransangan secara sadar saat mencapai titik ini.

Jika ingin mencari G-spot anda (wanita), sebaiknya gunakan alat yang tepat, aman dan bersih kerana vagina sangat sensitif. Anda boleh menemukan berbagai ransangan yang sesuai dengan anda. Tidak jarang wanita sangat menikmati sensasi erotisnya dengan ransangan menggunakan tangan pasangannya. Dengan penjelajahan lembut menelusuri liang vagina dan sesekali tekanan dapat membuat wanita mencapai puncak kenikmatan.

Umumnya, ransangan dengan penis lebih berkesan dilakukan, apalagi dilakukan dengan relax dan tekanan tetap, bukan seperti gerakan biasa. Ransangan G-spot perlu tekanan yang kuat. Jika secara bertahan tekana bertambah

hingga ke tingkat optimum, anda akan mendapat kenikmatan erotis tanpa rasa sedikit pun. Kerana G-spot disebut sebagai daerah rawan ransangan berupa jaringan pada dinding bahagian depan vagina, dekat dengan dinding perut. Letaknya terdapat dibahagian belakang klitoris seperti halnya kelenjar prostat pada lelaki.

Ransangan pada G-spot menimbulkan orgasme yang berbeza dibandingkan dengan ransangan pada klitoris. Ransangan ini dapat menimbulkan orgasme yang disertai ejakulasi pada wanita, namun cairan yang keluar bukanlah sperma seperti yang terjadi pada lelaki saat ejakulasi. Cairan ini berasal dari kelenjar Skene di sekirat uretha atau saluran kencing. Kerana itu cairan ejakulasi tersebut dikeluarkan melalui saluran air kencing akibat kontraksi otot pinggul. Walau cairan itu bukan air kencing namun wanita akan merasa ingin buang air kecil pada saat itu. Wanita juga akan hilang kawalan atas kandungan kemih dan kerananya menahan diri sepanjang kegiatan seksual untuk menghindari pembuangan air kecil.

Selain dari memberi kenikmatan, ternyata beberapa peneliti dari Amerika mengatakan bahawa proses evolusi kemungkinan telah mencipta daerah ini menjadi organ yang dapat mengurangkan rasa sakit ketika melahirkan, daerah ini juga memiliki kesan mengurangkan rasa sakit ketika melahirkan. Jadi mengapa tidak dari sekarang mengenali G-spot anda?

Intip Milik Peribadi Si Dia...Siri (52)

Kaum lelaki kebiasannya mudah benar mengambil sikap acuh tak acuh terhadap kesihatan "barang peribadinya". Sedangkan benda yang satu ini cukup berpengaruh dan memainkan peranan yang penting dalam menentukan hubungan seksual berjalan lancar. Sesekali cuba anda perhatikan sekiranya ;

1) Seluar Dalamnya Ketat

Kalau pasangan anda (mahupun anda sendiri) suka memakai seluar dalam yang ketat, fikirkan kembali kesannya nanti. Ini kerana pemakaian ketat secara berterusan akan menyebabkannya kurang subur dan tidak begitu sihat. Seeloknya jangan memakai seluar dalam di waktu malam agar ia mampu "bernafas" dengan baik.

2) Penisnya Bengkok Ketika Penetrasi

Ia disebabkan oleh kurangnya aliran darah di bahagian penis, samada disebabkan oleh faktor trauma yang pernah dialami atau keadaan penisnya memang cacat.

Namun fizikal penis yang sedikit bengkok adalah perkara biasa, dan dikatakan tidak mempengaruhi kemampuannya ketika melakukan hubungan seksual. Pun begitu kalau keadaan tersebut menyebabkan penetrasi tidak kesampaian, jangan sese kali bertangguh untuk mendapatkan pemeriksaan selanjutnya.

3) Berkhatan

Dalam proses berkhatan, kulit yang menutupi kepala penis dipotong dan dibuang. Lagipun kalau kulit ini tidak dibuang, sperma yang keluar akan mudah terkumpul di sebaliknya, menyebabkan ia menjadi tempat pembiakannya bakteria. Menyedari hal ini maka kebanyakan lelaki (wajib bagi individu Islam) berkhatan demi menjaga kesihatan diri.

4) Ukuran Kenikmatan

Sungguhpun saiz dan ereksi penis adalah pelbagai, namun ukuran kedalam vagina adalah antara 12 hingga 13 cm sahaja. Malah hanya satu pertiga bahagian luar vagina, memiliki hujung-hujung saraf yang peka dengan sentuhan penis. Jadi ukuran bukan faktor utama dalam menentukan kepuasan, kerana paling penting tekniknya!!

Cara mengambil pil perancang...Siri (53)

RAMAI wanita mengamalkan kaedah merancang keluarga menggunakan pil perancang. Ada berbagai-bagai jenis pil perancang di pasaran.

Lazimnya pil perancang kombinasi iaitu yang mengandungi kedua-dua jenis hormon estrogen dan progestogen digunakan melainkan mereka yang masih menyusu ataupun mempunyai masalah penyakit seperti tekanan darah tinggi.

Oleh itu seseorang wanita yang ingin mengambil pil perancang perlu berjumpa dengan doktor sebelum memulakannya supaya kesesuaian dapat dikenal pasti dan nasihat yang tepat dapat diberikan.

Wanita yang berumur melebihi 35 tahun dinasihatkan mengambil pil perancang yang mengandungi kadar estrogen yang lebih rendah iaitu 20 microgram ethinyloestradiol.

Pemeriksaan tekanan darah perlu dibuat serta pemeriksaan ujian pap smear. Wanita yang mempunyai masalah seperti lemah jantung atau barah payu dara tidak boleh mengambil pil perancang jenis ini.

Pil perancang kombinasi bertindak melalui beberapa cara iaitu:

1. Menghalang proses ovulasi dengan menghalang pembesaran folikel.
2. Menyebabkan mukus daripada serviks menjadi kental dan menjejaskan pengangkutan sperma ke dalam rahim.
3. Tisu pada dinding rahim menjadi nipis dan tidak sesuai untuk pelekatan janin. Oleh kerana tissue dinding rahim ini nipis, pendarahan haid menjadi sedikit dan hanya beberapa hari saja.

Cara pengambilan pil perancang kombinasi adalah seperti berikut:

Untuk pengambilannya pada kali pertama, seseorang wanita perlu mengambil pil pertamanya pada hari pertama pendarahan haid berlaku. Pengambilan pil seterusnya diambil selama 21 hari mengikut arah anak panah pada paket pil perancang.

Kesan bagi menghalang kehamilan berlaku serta-merta dalam kes ini. Jika pil pertama ini diambil pada hari kelima haid, seseorang wanita perlulah menunggu selama 14 hari sebelum menghalang kehamilan berkesan. Keadaan ini disebabkan pengambilan pil pada hari kelima haid tidak menjamin menghalang pembesaran folikel yang akhirnya akan melalui proses ovulasi dan menyebabkan wanita itu subur walaupun sedang mengambil pil perancang. Oleh itu wanita yang memulakan pengambilan pil pertamanya pada hari kelima haid dinasihatkan supaya menggunakan cara lain seperti azal atau kondom untuk menghalang kehamilan selama 14 hari.

Untuk pengambilan pil perancang pada bulan kedua dan seterusnya, ia perlu diambil setelah berhenti selama tujuh hari. Lazimnya pendarahan haid berlaku dalam masa tujuh hari berehat daripada mengambil pil perancang. Pil pertama untuk paket kedua dan seterusnya perlu diambil pada hari kelapan dari tarikh mula berhenti tanpa mengambil kira pendarahan haid berhenti atau tidak.

Sebagai contoh, wanita A ingin memulakan pengambilan pil perancang:

Pendarahan haid wanita A berlaku pada 1 Julai 2005. Wanita A mula mengambil pil yang pertama pada Jumaat, 1 Julai. Dia akan mengikut arah anak panah pada paket pil perancang hinggalah habis pil pada 21 Julai 2005.

Beliau kemudian berhenti mengambil pil selama 7 hari dan akan mula mengambil pil perancang paket kedua pada 29 Julai 2005 ia itu hari Jumaat juga. Lazimnya pendarahan haid akan mula berlaku pada 22, 23 atau 24 Julai dan hanya untuk beberapa hari saja.

Apa yang perlu dilakukan jika terlupa mengambil pil perancang?

Jika seseorang wanita lupa mengambil pil, teruskan pengambilan pil apabila teringat semula dan teruskan pengambilan pil yang seterusnya pada masa yang lazim diambil. Jika jangka masa terlupa melebihi 12 jam (terutamanya bagi pil pertama atau terakhir pada paket) pencegahan kehamilan mungkin tidak berapa berkesan.

Oleh itu sebaik saja ingat, teruskan saja pil yang sepatutnya diambil macam biasa. Oleh kerana ia mungkin tidak lagi berkesan, pasangan perlu mengambil langkah lain selama tujuh hari untuk menghalang kehamilan. Jika tujuh hari ini menjangkau melebihi paket yang ada, mulakan dengan paket baru tanpa berhenti selama tujuh hari.

Bagi bulan itu, wanita ini mungkin tidak akan mengalami pendarahan haid sehinggalah ia habis paket yang seterusnya, iaitu pada bulan kedua. Kemungkinan juga pendarahan yang tidak normal berlaku, tetapi wanita ini perlu meneruskan pengambilan pil setelah memastikan bahawa ia tidak hamil.

Ungkapkan Cinta Dengan Ciuman....Siri (54)

Sebenarnya maksud perkataan ciuman tidak sekadar apabila bibir seseorang bertemu dengan bibir individu lain. Tapi lebih merupakan satu bentuk komunikasi "non verbal", iaitu bahasa tubuh dalam mengekspresikan perasaan seseorang terhadap individu terbabit.

Bahkan hubungan seksual diantara pasangan suami isteri seringkali bermula, apabila salahs eorang darinya memberikan ciuman tanda kasih dan sayang. Ini kerana ketika ciuman bibir terjadi, urat2 saraf pada sendi di bibir akan mula bekerja. Ketika itulah anda dapat merasakan satu perasaan yang tidak dapat digambarkan mula mengalir dalam tubuh.

Menurut stau kajian, didapati ciuman yang panjang dan peuh mesra akan membuatkan jantung bekerja lebih cepat, iaitub dari kebiasaannya 72 denyutan menjadi 100 denyutan seminit. Situasi ini turut membakar kalori dalam badan, membuatkan anda akan lebih bertenaga berhadapan dengan kehidupan serba mencabar.

Bagi pasangan suami isteri, anda diingatkan tidak meninggalkan aktiviti mencium bibir pasangan, seeloknya jadikan amalan harian agar kasih berpanjangan. Malah Tomina Edmark menerusi bukunya, "The Kissing Book ; Everything

You Need To Know", ada memberikan tip menarik untuk dipraktikkan.

Menurutnya dengan saling member ciuman, masing-masing akan tetap merasakan bahawa pasangannya masih memerlukan cinta dan perhatian setiap masa. Paling penting jangan lupa memberikan ciuman yang hangat tanda terimakasih, setiap kali selesai melakukan hubungan seksual kerana menurutnya, ia memberikan kesempatan bagi kedua belah pihak untuk kembali ke keadaan normal.

Tentunya setelah mengetahui kehebatan sebuah ciuman, baik yang memberi mahupun anda selaku penerima, pasti kegiatan ini tidak akan diabaikan dalam kehidupan seharian anda. Tidak begitu?

16 Perkara Tentang Seks...Siri (55)

Mengikut Kamus Dewan, seks ialah, “1- Sifat-sifat yang membezakan laki-laki dan perempuan, jantina; 2- Keinginan syahwat.”

Ini bermaksud, seks membicarakan tentang jantina serta sifat-sifat yang membezakan antara lelaki dan perempuan agar kita bersyukur dengan apa yang Allah kurniakan kepada kita dan menggunakannya secara yang betul, dan agar kita menghormati mereka yang berlainan jenis dari kita dan tidak menzalimi mereka. Seks juga membicarakan tentang kehendak nafsu syahwat agar kita akhirnya mampu meletakkan nafsu ini di tempat yang terbaik baginya.

NAFSU SEPERTI LAYANG-LAYANG.

Pernakah anda melihat layang-layang yang cantik melayang-melayang dan menari-nari di udara? Ya, ia suatu pemandangan yang mengasyikkan! Tahukah anda mengapa layang-layang itu terus menjadi cantik dan mampu terus melayang-layang di udara dan mampu terus mengasyikkan anda? Ia disebabkan benang yang ada di badannya terus mantap dan tidak putus. Apabila benang itu putus, hilanglah kecantikan layang-layang itu dan akhirnya akan tersadailah ia di tempat yang tidak menentu menanti kehancuran! Demikianlah dengan nafsu termasuk nafsu seks. Apabila benang agama terputus darinya dia akan tersadai di tempat yang hina menanti kehancuran.

SEKS ADALAH KEPERLUAN FITRAH.

Manusia perlukan seks kerana ia adalah keperluan atau fitrah manusia. Justeru dalam Islam konsep hidup ala rahib tidak pernah ada kerana agama Islam melayani fitrah manusia. Namun keperluan seks perlu diimbangi dengan nilai akhlak. Akhlak tidak menghalang kehendak-kehendak fitrah. Ia mencantikkannya. Sebagai contoh, Islam tidak pernah menyuruh kita menutup nafsu seks, sebaliknya menyalurkannya kepada suatu yang murni, selamat dan mendamaikan. Perkahwinan adalah salurannya. Alangkah indahny firman Allah yang bermaksud “Isterimu adalah ladang bagimu maka datangilah isterimu dengan cara mana yang kamu mahu.” (Surah Al-Baqarah ayat 223) Dalam bahasa mudah, selepas berkahwin, puaskanlah nafsumu dengan isterimu sesuka hatimu, melainkan dengan cara yang jelas telah diharamkan kerana kemudaratanya.

SEKS ADALAH AMANAH.

Tubuh anda adalah amanah yang dianugerahkan Allah kepada anda. Justeru anggota seks juga adalah amanah. Apa pendapat anda jika seseorang diberikan wang kemudian dia meletakkan dan menggunakan wang itu sesuka hatinya? Sudah pasti anda akan mengatakan beliau seorang yang tidak jujur! Demikianlah juga dengan alat kelamin anda. Ia diberikan Allah kepada anda. Jika anda lakukan sesuka hati anda dengannya tanpa mengikut panduan agama, anda juga boleh dihukum sebagai seorang yang tidak jujur. Justeru, sahabat nabi, Abdullah ibn Amr ibn Al-As, berkata, “Amanah ialah alat kelamin manusia. Jika manusia mampu menjaga amanah ini Allah akan memelihara dirinya dan keturunannya.”

SEKS BUKAN SEKADAR MEMUASKAN NAFSU.

Seks yang sebenarnya ialah hubungan spirituil dan fizikal yang terjalin di antara sepasang suami isteri yang berkahwin secara halal, dinaungi oleh landasan syariat yang suci, demi untuk mencari keredaan Ilahi. Seks adalah satu hubungan suci antara dua insan, lelaki dan perempuan. Seks yang suci ini amat mendamaikan. Dalam Al-Quran Allah berfirman, “Di antara tanda kebesaran Allah ialah, Dia menjadikan bagimu jodoh daripada jenis manusia sepertimu agar kamu berasa tenteram bersamanya dan dijadikanNya di antaramu perasaan kasih sayang dan belas kasihan.” (Surah Ar-Rum ayat 21) BBC Health bertarikh 3 Februari, 2001 melaporkan, komunikasi dua hala yang baik adalah penting untuk menghasilkan seks yang bermanfaat, dan untuk mencapainya, empat ramuan komunikasi perlu dihayati di dalam hidup, iaitu, kemesraan, saling faham memahami, keterbukaan dan bertolak ansur.

SEKS YANG HALAL ADALAH IBADAH.

Ibadah mendatangkan pahala, rahmat dan keberkatan. Perkara ini dijelaskan oleh nabi di dalam hadis yang bermaksud, “Sahabat-sahabat Nabi bertanya, ‘Ya Rasulullah, adakah jika salah seorang daripada kami memuaskan nafsu syahwatnya secara halal, dia diganjar pahala?’ Bersabda Nabi Muhammad, ‘Tidakkah jika kamu memuaskan nafsu secara haram kamu berdosa? Justeru, jika kamu melakukannya secara halal kamu memperoleh pahala.’” (Riwayat Muslim)

TIDAK CUKUP SEKADAR MEMAKAI KONDOM.

Barat menghalalkan hubungan seks luar nikah. Yang penting bagi mereka ialah memakai kondom agar kaum hawa terpelihara dari jangkitan AIDS. Dalam Islam zina adalah haram. Zina bermaksud, hubungan seks luar nikah yang dilakukan secara reda antara seorang lelaki dan perempuan. Walaupun ia dilakukan secara reda, ia adalah haram dan mendatangkan dosa. Di dalam sebuah hadis Nabi Muhammad bersabda, “Wahai Muslimin, jauhilah zina kerana perlakuannya mendatangkan enam keburukan, tiga di dunia dan tiga di akhirat.” (Riwayat Ahmad, Ibn Hibban, dan Al-Hakim)

ZINA YANG HARAM ADA PADAHNYA.

Antara padahnya ialah kesan negatif di sudut emosi. Dr. David Weeks, seorang pakar neuropsikologi dari Hospital Royal Edinburgh, membuat kajian selama sepuluh tahun untuk mengenal pasti kesan seks ke atas kesihatan manusia. Beliau memberi amaran bahawa perubahan-perubahan positif kesan dari hubungan seks tidak akan

berlaku ke atas mereka yang suka bertukar-tukar pasangan, malah kadangkala mereka yang seperti ini mengalami perubahan yang negatif disebabkan kerisauan dan tekanan yang sering melanda mereka hasil dari perbuatan mereka itu. (Rujuk BBC News, Sex Keeps You Young, 10 March 1999) Di sudut agama, padahnya lebih jelas lagi. Dalam sebuah hadis, Nabi Muhammad bersabda, "Wahai Muslimin, jauhilah zina kerana perlakuannya mendatangkan enam keburukan, tiga di dunia dan tiga di akhirat. Adapun tiga yang diperolehi di dunia ialah hilangnya seri di wajah, memendekkan umur dan mendatangkan kefakiran. Tiga yang diperolehi di akhirat ialah kemurkaan Allah, hisab yang buruk dan azab neraka." (Riwayat Ahmad, Ibn Hibban, dan Al-Hakim)

SEKS BEBAS MEMBUNUH.

Nabi Muhammad bersabda, "Wahai Muhajirin, lima bala akan ditimpakan ke atasmu dan aku berdoa agar kamu tidak ada ketika bala ini menimpa..... Satu di antaranya ialah, apabila zina zahir di dalam masyarakat secara terang-terangan, wabak yang dahsyat dan penyakit-penyakit yang belum pernah menjangkitimu akan menyerangmu ketika itu." (Riwayat Ibn Majah, Al-Baihaqi dan Al-Bazzar) Pada hari ini, penyakit-penyakit jangkitan seksual atau STD (sexually transmitted diseases) kerap menjangkiti individu melalui hubungan seks rambang. Lebih kurang dua puluh jenis penyakit dari grup ini telah dikenal pasti di antaranya ialah syphilis, gonorrhoea, genital herpes, genital wart, trichomoniasis, bacterial vaginosis, infeksi cytomegalovirus, infeksi chlamydia dan yang paling berbahaya ialah AIDS. Di Amerika sahaja ia menjangkiti 13 juta manusia setahun dan majoritinya ialah dari kalangan kaum wanita. Kos yang diperlukan untuk merawat dan mencegahnya menjangkau \$10 bilion. Di antara komplikasi yang timbul kesan dari penyakit-penyakit ini ialah, mengandung di luar rahim atau ectopic pregnancy, barah, kemandulan, sakit jantung, infeksi dan sakit puan. Mengikut Institut Alahan dan Penyakit Berjangkit Kebangsaan (NIAID) di Amerika, jumlah kes penyakit jangkitan seksual semakin meningkat pada hari ini. Ia disebabkan ramai remaja terlibat dengan hubungan seks tanpa perkahwinan di samping berleluasanya seks bebas di dalam masyarakat. (Rujuk NIAID Fact Sheet, An Introduction to Sexually Transmitted Diseases, July 1999)

ZINA BUKAN SEKADAR HUBUNGAN KELAMIN.

Islam mengutuk segala bentuk perzinaan dan segala perkara yang boleh membawanya dianggap buruk dan diharamkan oleh Islam. Allah berfirman di dalam Al-Quran, "Dan janganlah kamu mendekati zina." (Surah Al-Isra ayat 32) Antara alat yang boleh merangsang syahwat manusia dan kemudian membawanya kepada zina ialah mata. Sebagai contoh, melihat gambar-gambar dan menonton filem-filem lucah, adalah satu bentuk zina. Justeru, Allah berfirman, "Katakanlah kepada lelaki yang Mukmin, (kawallah) penglihatan mereka dan peliharalah alat kelamin mereka."

BERDUA-DUAAN MEMBAWA RISIKO.

Barat bersikap liberal di dalam aspek pergaulan lelaki dan perempuan dan menganggapnya sebagai satu cara hidup yang sepatutnya dicontohi oleh orang lain. Namun statistik semasa menunjukkan, cara hidup sedemikian lebih banyak mendatangkan kerosakan daripada kebaikan. Sebagai contoh, mengikut Jabatan Keadilan Amerika, bagi setiap dua minit seorang wanita mengalami gangguan seksual, dan pada tahun 1996, 307,000 orang wanita menjadi mangsa rogol dan serangan seksual di Amerika. Baru-baru ini kajian oleh National Women Study di Amerika menunjukkan lebih kurang 683,000 wanita menjadi mangsa rogol setiap tahun di Amerika. **KEBANYAKAN DARIPADA KES-KES INI MELIBATKAN ORANG YANG DIKENALI TERUTAMANYA KETIKA SEDANG BERDUA-DUAAN DAN BERTEMU JANJI.** Justeru, larangan bergaul bebas dan berdua-duaan yang ditetapkan oleh Islam amat relevan dengan dunia hari ini. Larangan ini mendatangkan banyak kebaikan terutamanya bagi kaum wanita.

BAHAYA SEKS KETIKA HAID.

Islam mengharamkan seks ketika waktu haid. Hukum ini dijelaskan oleh Allah melalui firmanNya, "Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah, haid adalah kotoran. Justeru, hendaklah kamu tidak menyetubuhi wanita ketika haid sehinggalah mereka suci daripadanya." (Surah Al-Baqarah ayat 222) Mengikut Dr. Diana Antoniskis (MD) dari Kumpulan Penyelidikan dan Pendidikan yang beribu pejabat di Oregon, risiko jangkitan kuman HIV meningkat di kalangan wanita yang mengadakan hubungan seks ketika haid ataupun dengan lelaki yang tidak berkhitan. Persektubuhan pada waktu haid juga boleh mengakibatkan pendarahan yang teruk ke atas wanita. Kajian yang dilakukan oleh Dr. Winnifield Cutler dan rakan-rakannya dari Institut Athena Bagi Kesihatan Wanita di Chester Springs menunjukkan, wanita yang hampir putus haid atau perimenopausal, yang kerap mengadakan hubungan seks ketika haid sering kali mengalami masalah pendarahan yang teruk daripada biasa. Kebiasaannya kes-kes seperti ini akhirnya terpaksa menjalani pembedahan berisiko tinggi untuk membuang rahim atau hysterectomy dan ovari atau ovariectomy. Penemuan ini dilaporkan di dalam Journal of Psychosomatic Obstetrics and Gynaecology pada tahun 1996.

HARAM HOMOSEKS DAN LESBIAN.

Nabi Muhammad bersabda, "Perkara yang paling aku takutkan menimpa ke atasmu ialah perbuatan kaum Lut. Dilaknati mereka yang melakukan perbuatan seumpama kaum Lut." (Riwayat Ibn Majah, Tarmuzi dan Al-Hakim) Kaum Lut dihancurkan Allah disebabkan mereka tenggelam dengan perlakuan homoseks di kota Sodom.

ISLAM MENGGALAKKAN PERKAHWINAN.

Berhubung dengan ini Nabi bersabda, "Barangsiapa yang mampu untuk berkahwin tetapi tidak berkahwin maka dia bukan dari umatku." (Riwayat Tabrani & Baihaqi) Dalam riwayat yang lain, baginda bersabda, "Wahai anak-anak muda, berkahwinlah. Sesiapa yang mampu, berkahwinlah kerana ia lebih memelihara mata dan menjaga faraj. Sesiapa yang tidak mampu untuk berkahwin hendaklah dia berpuasa kerana puasa adalah penahan (dari gelojak nafsu)." (Riwayat Bukhari)

CIRI-CIRI SUAMI ISTERI.

Nabi Muhammad bersabda, berhubung dengan kriteria pemilihan isteri, yang bermaksud: "Pilihlah yang mempunyai kebaikan agama, akan selamatlah kamu." (Riwayat Bukhari-Muslim) Baginda juga tidak melupakan kriteria di dalam pemilihan suami, berdasarkan sabda Baginda, "Jika yang datang meminang anak perempuanmu seorang yang kamu redai agama dan akhlaknya, maka terimalah dan kahwinkanlah dia dengan anakmu." (Riwayat Tirmidzi)

WAJIB MANDI SELEPAS HUBUNGAN SEKS.

Kebersihan diri amat dipentingkan oleh Islam. Umat Islam diwajibkan mandi selepas mengadakan hubungan seks antara suami isteri, walaupun tanpa mengeluarkan air mani, seperti yang disabdakan oleh Nabi Muhammad: "Apabila kemaluan bertemu dengan kemaluan, wajiblah mandi." (Riwayat Tarmuzi) Di dalam riwayat yang lain Nabi bersabda, "Walaupun jika tidak mengeluarkan air mani." (Riwayat Muslim dan Ahmad) Jika air mani keluar tanpa hubungan seks (sebagai contoh melalui mimpi), mandi tetap diwajibkan.

MANDI WAJIB SAINTIFIK.

Mengikut pakar-pakar perubatan dari Institut Teknologi Penjagaan Kesihatan di Washington, untuk mencegah penyakit jangkitan seksual daripada merebak, hubungan seks perlulah dilakukan hanya dengan mereka yang dipercayai, dan tidak dilakukan secara bebas. Menjaga kebersihan diri sebelum dan selepas mengadakan hubungan seks seperti segera membasuh anggota sulit selepas mengadakan persetubuhan juga adalah penting. Malah pakar-pakar dari Institut ini menggalakkan seseorang mandi secara sempurna selepas mengadakan hubungan seks sebagai langkah pencegahan dari serangan penyakit-penyakit. (Rujuk The Institute for Technology in Health Care, Safer Sex: Reduce Your Risk Of Disease, After-Sex Hygiene, Washington, 2001)

(Untuk perincian sila dapatkan buku Dr. Danial bin Zainal Abidin bertajuk "Perubatan Islam dan Bukti Sain Moden Edisi Ke-2")

Kaedah Mencegah Kehamilan....Siri (56)

1) Kontraseptif Suntikan

Suntikan perlu dibuat setiap dua hingga tiga bulan.

Boleh digunakan semua wanita pada peringkat umur, sama ada mempunyai anak atau tidak.

Selamat ketika penyusuan bayi, bermula pada enam minggu selepas bersalin.

Tidak boleh dikeluarkan dari tubuh, jadi kesan sampingan yang tidak diingini boleh berterusan ketika waktu itu.

Wanita yang berhenti menggunakan suntikan mengambil masa purata empat bulan lama daripada biasa untuk hamil.

Pendarahan berubah seperti tompokan dan sedikit antara tempoh haid dan selepas satu tahun, jarang ada haid.

2) Kaedah Vagina

Antara contoh yang boleh digunakan ialah kesuburan dan diafram.

Boleh berkesan jika menggunakan cara betul setiap kali hubungan kelamin.

Boleh membantu mencegah penyakit kelamin berjangkit.

3) Implan

Sejenis alat rod dimasukkan di bawah kulit lengan atas berhampiran pelipat siku.

Berkesan sehingga tiga tahun.

Rod boleh dikeluarkan pada bila-bila masa yang dikehendaki wanita.

Boleh digunakan semua wanita di setiap peringkat usia.

Kesuburan cepat berlaku apabila rod dikeluarkan.

Perlu di masukkan dan dikeluarkan oleh doktor.

Membantu mencegah anemia.

Perubahan pada pendarahan vagina dijangka berlaku.

4) Pil

Pilihan yang baik untuk ibu yang ingin menggunakan pil. Ia diambil pada enam minggu selepas bersalin.

Amat berkesan ketika penyusuan bayi.

Boleh digunakan sebagai kaedah kecemasan.

Jika dimakan apabila tidak menyusukan bayi, pendarahan berubah dijangka berlaku terutama, tompokan dan pendarahan antara haid.

5) Kondom

Boleh mencegah penyakit kelamin termasuk AIDS dan mencegah kehamilan.

Senang digunakan dan diperoleh.

Berkesan jika betul menggunakannya setiap kali melakukan hubungan kelamin.

Bagaimanapun sesetengah lelaki tidak menggunakan kondom setiap masa ketika melakukan hubungan kelamin.

6) Kaedah semula jadi

Wanita perlu ketahui tempoh kesuburan pada setiap bulan.

Apabila ketahui tempoh kesuburan, pasangan elak mengadakan hubungan kelamin atau menggunakan kondom ketika melakukan hubungan itu.

Lazimnya, memerlukan kerjasama erat dengan pasangan. Menghindari seks terlalu lama mungkin ada masalah.

Petua dapat anak...Siri (57)

UNTUK permulaan, kerap lakukan hubungan seksual dan pastikan yang air mani tidak melempah keluar. Jadi jangan bangun selepas seks, jangan gerakkan badan keterlalu kerana gerakan badan akan mengakibatkan tekanan kepada perut dan pengeluaran takungan air mani dari faraj.

Yang paling mustahak jangan menutup peha atau luruskan kaki dan jangan sekali-kali kemut faraj! Ini akan menolak keluar angin dalam faraj yang akan juga menolak air mani keluar dari faraj.

Perkara lain yang dicegah ialah menyelitkain kain ke kelengkang kerana ini akan menyerap air mani! Kadangkala posisi juga memainkan peranan mengekalkan takungan air mani ke dalam faraj. Wanita yang mempunyai rahim yang berposisi di belakang akan dapati setiap kali selepas bersetubuh, ketika zakar dikeluarkan selepas ejakulasi, air mani pasangan akan ikut keluar.

Cara mengatasi masalah ini ialah melakukan hubungan kelamin dengan memasukkan ereksi dari belakang dengan wanita itu dalam posisi menyujud. Posisi ini akan membuatkan rahim terletak di depan dan membuatkan penghujung faraj luas dan memberi ruang yang mencukupi untuk air mani mendap!

Waktu subur wanita bermula dengan kemunculan lendir macam hingus yang biasa keluar beberapa hari sebelum telur menetas(ovulasi). Waktu ovulasi ialah petanda atau perasaan sengal di paras ari-ari beberapa hari selepas kelihatan lendir. Kesemua petanda ini dapat dikenali sebilangan besar wanita jika mereka mengesannya dengan teliti.

Perkara yang mustahak ketika merancang hubungan seksual pada waktu subur ialah jangan memaksa pasangan untuk bersetubuh jika pasangan kelihatan tidak bersedia. Jika pasangan rasa tertekan, ada kalanya dia tidak dapat pancut atau gagal dalam hubungan seksual. Ini akan menimbulkan rasa resah dan gelisah dan kesudahannya 'mati pucuk sekunder'.

Bahaya seks menerusi dubur....Siri (58)

Bersama Dr Mohd Ismail Tambi

MENGIKUT fahaman saintifik, lubang najis ketika wanita itu masih dalam perut ibu adalah bersatu dengan salur faraj dan kemudiannya kedua-dua saluran itu terasing. Jadi tidak hairan jika terdengar yang sebilangan kecil wanita terasa lebih terangsang jika salur najisnya dirangsang dengan jari atau dengan ereksi pasangan.

Hubungan liwat dianggap sebagai hubungan seksual luar tabii dan dari segi hukum undang-undang negara jika disabit kesalahan boleh dihukum. Mengikut Islam perilaku ini dilarang sama sekali kerana elemen luar tabii, haram hukumnya.

Faraj direka Tuhan untuk ereksi lelaki, tempat yang sesuai untuk disalurkan sperma untuk mendapat cahaya mata. Ini tidak berlaku jika hubungan seksual dilakukan di dalam lubang najis.

Oleh kerana lubang najis itu sensitif dan mengandungi mukosa yang tipis kemungkinan ia boleh tercedera dan juga berisiko kepada perempuan untuk mendapat buasir jika otot dinding salur najis terkoyak.

Melakukan hubungan penetratif seksual ke dalam faraj selepas selesai melakukan hubungan penetratif ke dalam lubang najis akan memberi risiko jangkitan kepada faraj. Ini kerana lubang najis ada banyak kuman dan kulat yang boleh mengakibatkan keradangan dan bau kepada faraj. Jika ini berlaku, wanita itu mempunyai risiko tinggi mengalami jangkitan faraj dan masalah kesuburan jika jangkitan merebak ke selaput endometrium dan salur telur.

Perkara yang sering berlaku ialah, lelaki yang seronok dengan hubungan penetratif seksual ke dalam lubang najis akan terus ketagih dengan hubungan itu yang kononnya lebih sempit dan amat terangsang jika dibandingkan dengan hubungan seksual di faraj. Sebenarnya ini hanya pendapat dan pilihan individu saja.

Kajian menunjukkan yang faraj wanita memang tempat sesuai untuk melakukan hubungan penetratif seksual. Faraj dalam kawalan wanita dan dia boleh menyempitkan atau mengembangkan saluran itu mengikut usaha dan dayanya. Anggota sulit wanita mengandungi banyak bahagian yang boleh merangsang wanita seperti klitoris, bibir kecil, U-spot, G-Spot (langit faraj) P dan C spot dalam faraj, jika dibandingkan dengan salur najis yang hanya mengandungi satu tempat yang merangsangkan dan ini pun hanya terdapat kepada sebahagian kecil wanita.

Hangatkan Kembali Kelambu Yang Dingin...Siri (59)

Sekiranya anda tidak lagi mengadakan hubungan seksual bersama pasangan anda, seperti mana waktu mula-mula mendirikan rumahtangga, sehingga ia menjadi satu kebiasaan buat anda, BERHATI-HATILAH!!!

Menerusi satu penyelidikan serta soal jawab yang dijalankan oleh Dorris Wild Helmering menerusi bukunya " How One Partner Slone Can Change The Dynamics To Renew Sex, Romance and Intimacy", mendapati bahwa banyak faktor mendorong kepada situasi di atas.

Dalam bukunya, Doris antara lain mencadangkan pelbagai teknik melakukan hubungan seksual bersama pasangan agar hubungan dingin kembali mesra, sekali gus menghangatkan suasana rumahtangga yang dibina sekian lama.

"Inisiatif harus ada pada diri diri masing-masing, agar setiap hubungan berjalan lancar dann setiap pasangan tahu, tanggungjawab yang harus dipikul. Lagipun hidup berumahtangga memerlukan diri anda dan pasangan, berkongsi segala-galanya".

Janganlah kesibukan kerja, penat melayani larenah anak-anak serta mengendalikan rumahtangga (bagi kaum wanita yang tidak bekerja) dijadikan alasan, untuk anda meminggirkan "santapan rohani" yang menjadi nadi sesebuah rumahtangga yang harmonis.

"Ingatlah setiap masalah yang wujud, pasti ada jalan penyelesaiannya, justeru itu carilah jalan keluar untuk memperbaiki mogok seks dan cinta, jika anda mengalaminya," ujar Dorris.

Terangnya lagi, kebanyakan pasangan sewaktu ditemubual menceritakan berbagai versi masalah yang dilalui. Namun setelah beberapa kali diadakan sesi kaunseling, rata-rata akan menghubunginya beberapa bulan selepas itu dan mengatakan "...terimakasih..." kerana membantu mereka. Malah hubungan suami isteri menjadi semakin akrab dan kini mereka menyedari, bahawa pentingnya mengekalkan hubungan sedemikian kerana ia turut menyebabkan mereka memiliki minda yang sihat.

Antara intipati yang dipersoalkan dalam buku tersebut ialah bagaimana anda menilai hubungan seksual yang dijalinan dalam rumahtangga, dari semasa kesemasa. Serta cara anda berkomunikasi dengan pasangan anda setiap hari. Walaupun nampak remeh, namun setelah dibincangkan anda akan faham, kenapa perlu dilakukan perubahan dan apakah yang sebenarnya terjadi.

"Lebih baik jika perbincangan mengenai hubungan seksual ini dibincangkan secara terbuka antara anda dan pasangan. Ini kerana semakin anda memikirkan akan kepentingannya, maka anda juga terdorong untuk mempraktikkannya.

"Namun ada antara pasangan yang ditemui, menyatakan bahawa mereka tidak melakukan hubungan seksual lebih dari dua kali seminggu. Sedangkan hubungan yang sihat ialah dengan mengadakannya tiga kali seminggu. Lebih menyedihkan ada yang tidak menyentuh antara satu sama lain dalam seminggu dengan pelbagai alasan," kata Dorris sebagai mengupas antara isi kandungan buku yang ditulisnya itu.

Terang Dorris lagi, dari pengalamannya kaum lelaki lebih bersikap terbuka dalam memperkatakan hubungan seksual, berbanding kaum wanita. Sementara kaum wanita pula tidak ramai yang rajin bercerita, akan hal-hal yang dianggap sulit ini. Mereka seolah-olah enggan memberikan kerjasama, terpaksa adipujuk serta diberikan banyak contoh agar sesi kaunseling berjalan lancar. Sebenarnya kalau anda ambil topik ini sebagai satu proses pembelajaran, ia tidak sukar untuk diperkatakan," ujar Dorris lagi.

Antara alasan kenapa kaum wanita (mungkin anda salah seorang daripadanya...) kurang membincangkan isu ini juga kerana tidak mahu, ada rakan-rakan mereka mempersoalkan kekurangan suami masing-masing di ranjang.

"Ataupun mereka takut dikatakan diri sendiri sebagai penyebab kenapa suami tidak menyentuh mereka langsung'.

Bagi mereka soal maruah dan walau apa cara sekalipun, ia akan dipertahankan. Disinilah peranan saya sebenarnya supaya minda mereka terbuka untuk membincangkan hal-hal seumpama ini." kata Dorris bersungguh-sungguh.

Hubungan Seks Ketika Hamil....Siri (60)

Melakukan seks sewaktu hamil tidak menjejaskan janin dan kehamilan dalam kes-kes yang normal.

Doktor akan menasihatkan supaya mengelak melakukan seks sewaktu hamil jika terdapat masalah seperti berikut :

- 1) Pendarahan sewaktu hamil terutama pada awal kehamilan
- 2) Masalah uri berkedudukan di bahagian bawah rahim
- 3) Masalah pengecutan rahim pramatang
- 4) Sejarah kelahiran pramatang
- 5) Terdapat kebocoran air ketuban

Jika hubungan seks tidak dapat dielakkan, pastikan air mani tidak dipancut ke dalam faraj. Air mani mengandungi prostaglandin, yang boleh menyebabkan pengecutan otot rahim dan melembutkan tisu serviks. Prostaglandin digunakan untuk memulakan kesakitan untuk bersalin dalam proses "induction of labour" bagi ibu-ibu yang bermasalah dan diperlukan untuk melahirkan anaknya

Apakah Itu Selaput Dara?...Siri (61)

Pengenalan:

Sebagai seorang wanita kita sering mendengar tentang istilah selaput dara. Sayangnya, pengetahuan kita terhadap perkara tersebut amat terbatas. Malah ada kalanya ia lebih banyak dipengaruhi oleh mitos berbanding fakta sebenar. Agar tidak terkeliru dengan mitos yang diuar-uarkan, fahamilah informasi di bawah ini.

APA ITU SELAPUT DARAA??

Dalam istilah perubatan, selaput dara dikenali sebagai hymen. Selaput dara ini merupakan satu lipatan selaput lendir yang menutupi pintu bibir vagina perempuan. Ia telah ada sejak bayi perempuan dilahirkan. Kedudukannya adalah diantara satu atau dua cm dari bibir luar vagina dan bentuknya bulat mengikut bentuk liang vagina. Namun begitu ada juga selaput dara yang memiliki bentuk unik seperti bulan sabit (semilunar) dan mempunyai pemisah (septum). Selaput ini amat tipis dan merupakan membran yang lembut. Secara biologisnya membrane ini tidak berfungsi, tetapi ia mempunyai beban yang berat kerana dinilai sebagai bukti kegadisian seorang perempuan.

ADAKAH SEMUA PEREMPUAN MEMILIKI SELAPUT DARAA?

TIDAK. Bukan semua wanita mempunyai selaput dara pada vaginanya. Terdapat beberapa kajian yang mendapati ada bayi perempuan lahir tanpa selaput dara.

APAKAH YANG BOLEH MENYEBABKAN SELAPUT DARAA PECAH?

Biarpun hanya sekadar lapisan lender, selaput dara sangat elastic dan tidak mudah rosak. Selaput dara hanya akan pecah apabila berlakunya hubungan seksual, rawatan perubatan yang dilakukan pada liang vagina, gangguan penyakit pada saluran vagina atau kemalangan dan aktiviti berat yang mempengaruhi alat kelamin perempuan.

Ketebalan selaput dara berbeza di antara satu wanita dengan wanita lainnya. Ada perempuan yang mempunyai selaput dara amat tipis dan mudah koyak oleh aktiviti-aktiviti tertentu seperti berenang, menunggang basikal dan memanjat. Ini semua memecahkan selaput daranya meskipun dia belum pernah melakukan hubungan s*ks. Sebaliknya, ada juga perempuan yang sudah bernikah dan berhubungan s*ks berkali-kali tetapi selaput daranya masih utuh dan tidak koyak kerana selaput daranya begitu elastik.

APAKAH SELAPUT DARAA LAMBANG KEPERAWANAN?

Salah satu faktor penyebab kerosakan selaput dara adalah hubungan se*sual. Dan masyarakat menyatakan seseorang perempuan adalah perawan jika belum pernah melakukan hubungan se*sual. Isu keperawanan yang berhubung dengan selaput dara ini juga berkaitan dengan pendarahan yang terjadi ketika selaput dara koyak. Inilah yang menjadi tanda keperawanan dan kesucian seorang perempuan pada malam pertama.

Seorang wanita dikatakan tidak suci sekiranya tidak mengeluarkan darah ketika malam pertama. Anggapan ini sebenarnya kurang tepat. Perawan atau tidak seseorang gadis itu bukan hanya bergantung pada selaput dara. Tidak semestinya wanita yang tidak mengeluarkan darah ketika malam pertama sudah tercemar kerana selaput dara ini bukan hanya boleh pecah ketika melakukan persetubuhan tetapi juga disebabkan beberapa sebab yang dinyatakan di atas.

APAKAH SELAPUT DARAA WAJIB MENGELUARKAN DARAH KETIKA MALAM PERTAMA?

Tentu sahaja TIDAK. Ini kerana selaput dara selain terdiri daripada membran yang lembut, ia juga bersifat fleksibel.

Mungkin sahaja selaput dara ini melentur sehingga tidak mengeluarkan darah sewaktu melakukan hubungan se*suat buat kali pertama.

Malam dalam beberapa kes, didapati ada wanita yang tidak mempunyai selaput dara sejak lahir. Dan ada juga wanita yang memiliki selaput dara yang sangat tipis berbanding wanita-wanita lain sehingga ia tidak dapat mengeluarkan darah pada saat melakukan hubungan se*suat buat kali pertama. Selain itu, fakta perubahan turut menunjukkan selaput dara hanya memiliki sedikit pembuluh darah. Semakin tipis selaput dara, semakin sedikit darah yang keluar sehingga hampir tidak kelihatan.

Bagi kaum lelaki, janganlah menilai kesucian isteri mereka melalui darah yang dikeluarkan ketika mereka mengadakan hubungan s*ks untuk kali pertama. Jangan terlalu tipikal dan kuno dalam menangani situasi ini, cubalah berfikir lebih terbuka dan positif kerana di era millennium ini selaput dara bukanlah indicator utama dalam menentukan kesucian.

Mungkin tuduhan anda ada benarnya iaitu isteri anda sudah tidak suci lagi. Namun mungkin juga wanita yang anda nikahi tidak mempunyai selaput dara atau daranya telah pecah disebabkan aktiviti-aktiviti harian yang telah dilakukannya. Fikirlah dengan rasional. Jangan rosakkan ikatan pernikahan dengan tuduhan melulu yang akhirnya memusnahkan rumah tangga yang dibina.

Persediaan menghadapi malam pertama...Siri (62)

Malam pertama, adalah waktu yang amat menegangkan bagi pasangan pengantin. Bagi wanita, ketegangan itu kadangkala berlipat kali ganda. Berikut ada beberapa tips yang boleh dikongsi bersama .

- 1) **Bau badan** - Ingat, sebelum memasuki malam pertama, anda dan suami seharian bergerak, melayan tetamu serta saudara mara yang hadir, berulang kali menukar pakaian berpeluh dan penat. Untuk itu sebelum tidur, cubalah untuk mandi. Pakailah wangian yang lembut supaya rasa ghairah tidak padam apabila mencium bau badan anda.
- 2) **Bau mulut** - Cuba anda bayangkan, apa yang akan anda lakukan, ketika ingin mencium bibir pasangan anda, anda dapati udara yang anda sedut 'berbau' petai. Tentu ghairah anda hilang bukan..? Kerana itu hindarilah kemungkinan ini dengan mempersiapkan diri. Penyelesaiannya, pastikan anda memberus gigi sebelum kekamar dan kalau boleh selalu menyediakan pepermint ditempat tidur.
- 3) **Tergesa gesa** - Tergesa-gesa merupakan 'penyakit' paling umum. Ingin cepat sehingga langsung ke acara kemuncak. Maklumlah makanan baru, halal lagi! Tapi ingat anda harus bersabar. Sebaik-baiknya kedua-dua bertenang kerana seks dengan tenang itu lebih nikmat. Tergesa-gesa kadangkala boleh mendatangkan mudarat, rasa nikmat 'kerjasama' mungkin payah untuk dicapai dan juga ia mungkin boleh menyakitkan. Misalnya anda belum begitu terangsang dan suami ingin terus 'menembak' hasilnya boleh mengecewakan.

SETELAH tiga tips kecil menghadapi saat 'pemanasan' di malam pertama. Berikut adalah beberapa tips saat 'bertempur'. Bacalah dengan teliti agar malam pertama anda menjadi kenangan yang tak dapat dilupakan.

- 1) **Padamkan kekasaran** - Jangan hanya berserah. Sekiranya anda rasa disakiti berterus teranglah dengan suami tetapi gunakan nada yang lembut supaya dia tidak tersinggung. Sekiranya ingin sama-sama menikmati keseronokan, bimbinglah suami anda ke 'daerah-daerah' yang boleh menambahkan ghairah. Anda juga boleh memainkan peranan dengan lebih aktif, dengan cara menuntun tangannya mengarahkan kebahagiaan yang anda sukai.
- 2) **Singkirkan rasa sakit** - Kebanyakan wanita sering merasa sakit pada organ seknya ketika berhubungan intim buat pertama kalinya. Hilangkan perasaan takut sebaliknya fikirkan perkara yang indah-indah ketika bersama suami. Perlu juga diketahui bahawa penyebab kurangnya cairan lubrikasi ialah stress, pengambilan ubat-ubatan dan penggunaan alat kontraseptif. Bila hal ini terjadi, minta suami supaya memanjangkan pemanasan sambil melihat apakah anda sudah bersedia untuk memulainya sekali kembali. Cara lain ialah dengan menggunakan cairan lubrikasi.
- 3) **Beri dorongan pada suami** - Bukan semua suami berjaya melalui malam pertama mereka dengan berjayanya. Seseengah daripada mereka akan tewas sebelum waktunya. Tapi jangan bimbang, ia mungkin kerana stress dan kurangnya pengalaman. Selain kurangnya pengalaman dan stress, minuman beralkohol serta ubat-ubatan juga boleh menjadikan lelaki kurang 'perkasa'. Maka pujuklah suami agar dia hilang rasa kecewanya sambil mengelus tubuhnya terutama daerah sensitif untuk menunjukkan rasa sayang dan keinginan anda terhadapnya. Katakan padanya kita boleh cuba lagi malam berikutnya.
- 4) **Jangan pura pura klimaks** - Ramai wanita yang tidak ingin mengecewakan suaminya sering berpura-pura orgasme. Jangan lakukan hal itu kerana ia boleh membahayakan perhubungan anda. Memang ramai wanita yang agak sukar mencapai klimaks walaupun pasangannya sudah melakukan stimulasi sebaik mungkin pada daerah sensitifnya. Anda tak perlu malu untuk mengatakan padanya. Mungkin anda boleh memberi cadangan mengenai cara yang anda sukai dan memainkan peranan yang aktif juga. Jadikan aktiviti seks ini sebagai sesuatu yang menyenangkan bukannya membebankan anda.

